

WILAYAHKU

MEDIA WARGA KOTA

Foto: AFIQ HAMBALI/PMO

BELANJAWAN 2024 UBAH DESTINI NEGARA

Zubir Ali dan tragedi
di Palestin
>> 7

Hari Tongkat Putih
Antarabangsa : Advokasi
OKU penglihatan
>> 9 - 11

Masjid lebih 1 abad di
tengah kota
>> 12 - 13

RM160 juta untuk industri hiburan, rintihan anak seni didengari kerajaan

AINI MAWAWI

BAKAT-BAKAT kreatif tempatan terus disokong oleh kerajaan bagi menggalakkan penghasilan lebih banyak karya seni di Malaysia. Untuk itu, sejumlah RM160 juta ringgit diperuntukkan dalam Belanjawan 2024 Malaysia MADANI yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini.

Menyambut baik pengumuman tersebut, pelakon dan pengarah, **Datuk Afdlin Shauki** berkata ia merupakan satu khabar gembira di mana kerajaan mengiktiraf dan memandangi anak seni sebagai satu industri yang penting dalam pembinaan negara.

“Sejujurnya saya terkejut dengan bajet untuk orang-orang dalam industri hiburan. *Alhamdulillah*, kita nampak kerajaan benar-benar mendengar rintihan anak seni di mana kenyataannya kehidupan sebagai orang seni ini tidak mudah.

“Saya sangat berterima kasih. Sebenarnya banyak lagi masalah dalam industri yang perlu ditangani seperti permasalahan harta intelek



AFDLIN (lima dari kiri) bersama barisan pelakon filem *Harimau Malaya: The Untold Journey* pada perlawanan akhir *Pestabola Merdeka 2023* di Stadium Nasional Bukit Jalil pada Selasa.

namun ini adalah langkah besar yang menunjukkan kerajaan prihatin tentang hal ehwal anak seni di Malaysia,” ujarnya.

Susulan keputusan kerajaan Negeri Selangor yang menurunkan

kadar duti hiburan, kerajaan turut bercadang untuk menurunkan kadar duti hiburan bagi Wilayah Persekutuan daripada 25 peratus kepada kadar baharu.

“Harapan kami selepas

belanjawan diumumkan baru-baru ini, negeri-negeri lain akan bersetuju untuk pengecualian sepenuhnya duti hiburan bagi persembahan pentas oleh artis tempatan.

“Ini juga secara tidak langsung menunjukkan negeri lain bersepakat dan menyokong Kerajaan Perpaduan yang diketuai PMX,” ujar beliau yang juga merupakan Pengerusi YWP Media Sdn Bhd.

Tambah beliau lagi, usaha kerajaan kembali menganjurkan Anugerah Seni Negara secara tahunan juga adalah suatu perkara yang amat baik untuk terus menyokong industri hiburan negara.

“Ketika rakyat bergelut dalam kesusahan, mereka masih memerlukan hiburan antaranya melihat cerita, mendengar orang menyanyi dan sebagainya untuk membantu mengimbangkan tekanan dalam kehidupan,” ujar beliau tugas anak seni adalah membawa kegembiraan dalam kehidupan masyarakat.

Terdahulu, antara peruntukan yang mampu menarik nafas lega penggiat seni merangkumi RM60 juta ringgit di bawah Dana Kandungan Digital; RM90 juta ringgit di bawah inisiatif Film in Malaysia Incentive (FIMI) dan RM10 juta ringgit bagi menyediakan Skim Dana Padanan MyCreative. **WK**

APA RAKYAT DAPAT?

RM2,000

Bayaran insentif awal untuk penjawat awam Gred 56 ke bawah, RM1,000 bagi pesara dan jawatan utama

RM55 juta

Subsidi elektrik untuk golongan miskin tegar sebanyak RM40 sebulan

RM100

Juta kepada badan NGO yang membantu rakyat

RM2.47 bilion

Untuk projek perumahan rakyat

The My50

Unlimited Travel Pass akan disambungkan

RM500

Kepada golongan muda yang membuat program dan kerja sukarelawan diiktiraf kerajaan

RM100 juta

Kepada pelajar yang tidak dapat sambung belajar disebabkan pandemik

RM10 juta

Untuk membantu rakyat Malaysia yang menjadi mangsa sindiket penipuan di luar negara

Subsidi:

Harga ayam dan telur akan diapungkan

RM11.8 bilion

Untuk projek tebatan banjir

10% to 15% diskaun

K kepada pembayar hutang PTPTN

RM2.4 bilion

Untuk Pusat Kebajikan

RM50 juta

Untuk suri rumah di bawah Program e-Kasih

RM400 juta

Untuk projek keterjaminan makanan

RM200 juta

Untuk Program Payung Rahmah

RM10 bilion

Sumbangan Tunai Rahmah yang akan memanfaatkan **60% rakyat Malaysia**

RM100 sebulan

Kepada 700,000 penerima Sumbangan Asas Rahmah

RM1.2 bilion

Untuk membantu golongan OKU

Had siling yuran kemasukan Universiti Awam **pada RM1,500**

Akaun Fleksibel KWSP
Akan diperkenalkan

RM333 juta
kepada Orang Asli

Belanjawan 2024
MALAYSIA
MADANI

Belanjawan 2024: Kukuh kesejahteraan sosial, lonjak ekonomi domestik

AZLAN ZAMBRY & SYED HAZIQUE

BELANJAWAN 2024 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bertepatan dengan situasi ekonomi global memandangkan ia diunjurkan berkembang pada kadar 2.7 peratus pada tahun 2024 menurut laporan yang dikeluarkan Bank Dunia.

Dengan jumlah peruntukan terbesar iaitu RM393.8 bilion ringgit dengan tema 'Reformasi Ekonomi Memperkasakan Rakyat', menandakan perancangan jitu dan berstruktur untuk melonjakkan ekonomi dan menguatkan fiskal negara.

Menurut Profesor Ekonomi Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR), **Profesor Emeritus Dr Barjoyai Bardai**, Belanjawan 2024 adalah belanjawan pengembangan bertujuan meningkatkan

perbelanjaan dan pada masa sama menegakkan keadilan sosial yang merangkumi semua pihak. "Skopnya agak luas dan ia sangat terperinci dan komprehensif. Faedah yang diterima bergantung kepada kumpulan tertentu dan yang paling mendapat manfaat adalah golongan B40 dan miskin tegar yang melibatkan hampir 10 juta orang," katanya kepada *Wilayahku*

dan mengambil kira keperluan serta kepentingan rakyat. Katanya, pihak Kementerian menyambut baik inisiatif yang diumumkan dalam Belanjawan 2024 Malaysia Madani. "Belanjawan 2024 sangat memastikan keperluan dan kepentingan rakyat diambil kira," katanya. Tambah beliau, pihaknya menyambut baik peruntukan berkenaan dan akan menggunakannya dengan penuh tanggungjawab. "Syukur KPM masih lagi menjadi Kementerian menerima peruntukan terbesar. Paling penting dalam konteks dasar adalah jelajah pendidikan masa depan negara," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia, **Datuk Dr Kuljit Singh** berkata peruntukan

pada Rabu.

Tambahnya, tidak dinafikan, mereka yang tergolong dalam berpendapatan menengah dan sederhana rasa tertinggal dan mungkin tidak nampak faedah yang diperolehi daripada belanjawan ini. "Secara asas belanjawan ini dilaksanakan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Jadi fokusnya sudah pasti kepada golongan berpendapatan rendah dan memerlukan bantuan," katanya.

Menurut Barjoyai, Belanjawan 2024 ini berfungsi sebagai serampang dua mata iaitu mensejahterakan rakyat dan merencanakan semula ekonomi. "Kita sedia maklum sejak tiga tahun lalu, ekonomi negara dalam keadaan yang lemah dan hanya dirangsang oleh perbelanjaan awam dan persendirian.

"Namun sejak enam bulan lalu, perbelanjaan isi rumah telah merosot kerana orang ramai telah mengurangkan perbelanjaan dan ia perlu diganti dengan sesuatu untuk melonjakkan semula ekonomi," katanya.

Justeru itu, Barjoyai berkata untuk menangani masalah tersebut, kerajaan terpaksa meningkatkan perbelanjaan awam melalui peruntukan yang besar supaya

dapat disalurkan kepada seramai mungkin penerima. "Ia dijadikan perbelanjaan untuk orang ramai dan mewujudkan kesan berganda dengan mengandakan pengeluaran yang akan meningkatkan guna tenaga dan akhirnya Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) akan melonjak," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata sememangnya pengurangan subsidi petrol dan diesel akan dilaksanakan secara berperingkat sehingga akhirnya berkemungkinan untuk



BELANJAWAN 2024 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berfungsi untuk meningkatkan ekonomi serta memperkukuh jaringan sosial golongan rentan.

unjuran lima tahun akan datang tiada lagi subsidi yang diberikan.

"Pada awal tahun ini penyesuaian semula subsidi elektrik telah dilaksanakan dan hanya dinikmati oleh golongan berpendapatan rendah sahaja," katanya.

Barjoyai berkata meskipun Belanjawan 2024 mencatatkan peruntukan yang besar, ia turut mempunyai kesan dalam perkembangan sosial dan ekonomi negara.

"Dalam jangka pendek,

kerajaan hanya banyak berbelanja kerana fokus ketika ini untuk mensejahterakan kehidupan golongan rentan manakala untuk golongan pertengahan pula ia akan dapat menggandakan produktiviti dan menjadi pemangkin kepada isi rumah untuk lebih kreatif dan produktif untuk meningkatkan pendapatan," ujar beliau.

Sementara itu, Penganalisis Sosial dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), **Ts Nurul Aishah Ab Rahman** berkata banyak insentif yang terkandung di dalam belanjawan itu yang bertujuan membantu meningkatkan ekonomi negara dan selari dengan komitmen kerajaan bagi tujahan Ekonomi Madani yang menyasarkan untuk meningkatkan siling ekonomi negara dan menaikkan lantai ekonomi rakyat.

"Sumbangan Tunai Rahmah (STR) secara tunai yang dinaikkan kepada RM10 bilion ringgit juga disambut baik dan dapat dimanfaatkan kepada golongan sasaran selain turut mencakupi bantuan-bantuan lain yang melihat kepada peningkatan peruntukan seperti Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam sebanyak RM2,000 kepada semua penjawat awam gred 56 ke bawah termasuk lantikan kontrak.

"Selain itu, melalui peruntukan sebanyak RM4.89 bilion untuk Kementerian Kesihatan (KKM) ia tentu sekali rakyat dapat menikmati mutu perkhidmatan kesihatan yang terbaik," katanya. **WK**

KPM, KKM antara penerima peruntukan dengan jumlah tertinggi

SYED HAZIQUE

BELANJAWAN 2024 Malaysia Madani mencerminkan semangat rangka kerja Ekonomi Madani dengan fokus meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM393.8 bilion untuk belanjawan kali ini, iaitu belanjawan tertinggi yang pernah dibentangkan.

Hasil daripada jumlah tersebut Kementerian Pendidikan (KPM) menerima peruntukan tertinggi berjumlah RM58.7 bilion manakala Kementerian Kesihatan (KKM) pula peningkatan terbesar daripada kalangan kementerian dengan peruntukan sebanyak RM41.2 bilion.

Menteri Pendidikan, **Fadhlina Sidek** menyifatkan belanjawan tersebut sangat menitikberatkan

dan mengambil kira keperluan serta kepentingan rakyat.

Katanya, pihak Kementerian menyambut baik inisiatif yang diumumkan dalam Belanjawan 2024 Malaysia Madani.

"Belanjawan 2024 sangat memastikan keperluan dan kepentingan rakyat diambil kira," katanya.

Tambah beliau, pihaknya menyambut baik peruntukan berkenaan dan akan menggunakannya dengan penuh tanggungjawab.

"Syukur KPM masih lagi menjadi Kementerian menerima peruntukan terbesar. Paling penting dalam konteks dasar adalah jelajah pendidikan masa depan negara," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia, **Datuk Dr Kuljit Singh** berkata peruntukan



BARJOYAI



NURUL AISHAH



FADHLINA



KULJIT



PENDIDIKAN mencerminkan masa depan negara.

yang diberikan kepada KKM menunjukkan bahawa kerajaan memandang serius dan mengakui hakikat kos penjagaan kesihatan sememangnya meningkat.

"Kami dari hospital swasta berbesar hati membantu kerajaan dalam bajet penyumberan luar daripada awam kepada swasta, tetapi ia perlu disegerakan segera

kerana ada pesakit menunggu untuk dirawat.

"Metodologi mesti lancar supaya pesakit awam boleh dirawat dengan cepat di hospital swasta hanya selepas kapasiti penjagaan kesihatan awam habis," katanya.

Beliau menjelaskan, bajet mesti membantu pesakit dengan segera dan bukan menunggu kemudahan penjagaan kesihatan baru dibina, yang akan menjadi penyelesaian jangka panjang.

"Pada ketika ini, perkongsian sumber antara awam dan swasta akan menjadi cara yang betul.

"Harapan kami ialah penjagaan kesihatan swasta dibenarkan untuk diamalkan tanpa terlalu banyak pembendungan kos untuk membolehkan kemampunan kerana terdapat pilihan untuk pesakit mendapatkan rawatan daripada hospital awam dengan peruntukan bajet yang meningkat ini," ujar beliau.

Beliau turut berharap agar usaha tersebut dapat membantu kesemua pesakit mendapatkan rawatan dengan kadar segera. **WK**

Bukan omong kosong, ini bukti perbandingan belanjawan PMX

BELANJAWAN 2024 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Parlimen masih menjadi topik utama perbualan di mana-mana sahaja termasuk media sosial sehingga ke saat ini.

Ia menunjukkan kesungguhan Kerajaan Perpaduan yang menjangah usia hampir setahun dalam memaknai sebuah cetusan nurani bagi mengangkat darjat harakat ekonomi negara dan rakyat.

Walaupun begitu, masih terdapat suara-suara sumbang yang melemparkan tuduhan bahawa apa yang dibentangkan PM pada 13 Ogos lalu hanyalah omongan kosong semata-mata.

Malah, tidak kurang juga yang menuduh ia adalah bukti Anwar hanya pandai bercakap manis dan tidak sesekali akan mengotakan janji-janji yang diberi kepada rakyat.

Sebelum terus-menerus melemparkan tohmahan seharusnya pihak yang tidak bertanggungjawab ini duduk bertenang dan kaji semula apa yang dipikirkannya kerana bimbang akan memakan diri sendiri.

Di bawah pemerintahan Kerajaan Perpaduan, Anwar berjaya mengurangkan belanjawan defisit 4.9 peratus pada tahun 2023 dan 4.3 peratus pada tahun ini berbanding tahun 2021, 6.5 peratus dan tahun 2022, 5.6 peratus.

PM telah merangka sebuah belanjawan defisit yang lebih kecil untuk mengurangkan beban hutang yang dihadapi negara.

Apa itu belanjawan defisit? Belanjawan defisit berlaku apabila kerajaan belanja lebih daripada pendapatan negara pada tahun itu.

Tahukah anda, PM berjaya mengurangkan belanjawan defisit sebanyak 4.3% berbanding zaman pemerintahan Perdana Menteri sebelum ini 5.6% (Datuk Seri Ismail Sabri) dan 6.5% (Tan Sri Muhyiddin Yassin).

Bukan hanya itu, antara perkara lain yang dilihat terbaik berbanding tahun-tahun sebelum ini di mana subsidi rakyat tertinggi RM81 bilion; bantuan wang tunai tertinggi RM10 bilion; bonus penjawat awam tertinggi RM2,000; bantuan awal pra persekolahan dipertingkatkan ke RM788 juta dan lain-lain.

Dalam masa yang sama, kerajaan juga serius dalam memastikan syiar Islam terus berkembang di bawah Kerajaan Madani dengan memperuntukkan RM1.9 bilion dalam menegakkan agama Islam terutamanya dari aspek pembangunan insan.

Malah, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi juga turut berpendapat Belanjawan 2024 merupakan belanjawan terbaik berbanding mana-mana belanjawan dalam negara setakat ini.

Sejujurnya kerajaan sentiasa peka mendengar rintihan dan keluhan rakyat yang terbeban dalam keadaan ekonomi pada masa kini. Disebabkan itu juga, Belanjawan 2024 yang dibentangkan jelas ketara

	PM8 2021	PM9 2022	PMX 2023	2024
Belanjawan Defisit 2021 - 2024	5.4%	5.6%	4.9%	4.3%
STR Lebih Tinggi	RM 1,800	RM 2,000	RM 2,500	RM 3,700
Penjawat Awam Terima Bonus Lebih Tinggi	RM 600 Perjawat Awam RM 300 Pulsa	RM 700 Perjawat Awam RM 300 Pulsa	RM 700 Perjawat Awam RM 350 Pulsa	RM 2,000 Perjawat Awam RM 1,000 Pulsa
Nasib Petani dan Pesawah Terus Dibela	RM 1.7 Bilion	RM 1.7 Bilion	RM 1.6 Bilion	RM 2.6 Bilion
Peruntukan Bantuan Awal Persekolahan Dipertingkatkan	RM 328 juta	RM 450 juta	RM 788 juta	RM 788 juta
Harga Lantai Padi Naik Buat Pertama Kali Sejak 2014	RM 1,200 /tan	RM 1,200 /tan	RM 1,200 /tan	RM 1,300 per Tan
Peruntukan Perumahan Rakyat Tertinggi	RM 1.2 Bilion	RM 1.5 Bilion	-	RM 2.47 Bilion
Pendidikan Terus Diperkasa	RM 50.4 bilion	RM 52.6 bilion	RM 55.2 bilion	RM 58.7 bilion
Peruntukan Sektor Kesihatan Tertinggi	RM 31.9 bilion	RM 32.4 bilion	RM 36.3 bilion	RM 41.2 bilion
Sabah dan Sarawak Maju Bersama	RM 9.6 Bilion	RM 9.16 bilion	RM 12.1 bilion	RM 12.4 bilion
Syiar Islam Terus Berkembang	RM 1.4 Bilion	RM 1.5 Bilion	RM 1.5 bilion	RM 1.9 bilion
Nilai Ambang Muffis Meningkat	RM 100,000	RM 100,000	RM 100,000	RM 200,000
Sumbangan Khas Guru Takmir, Kafa, Imam, Bilal, Siak, Noja dan Marbut	RM 500	RM 500	RM 600	RM 700
Bina Sekolah Lebih Banyak	11 Sekolah	9 Sekolah	9 Sekolah	26 Sekolah

perbezaannya dari sebelum ini.

Jadi bagi Wilayahku, rasanya biar kerajaan buat kerja dahulu dan buktikannya, tidak perlu masuk

campur jika kita sendiri tidak arif dalam bab ini. Semoga kita semua mendapat manfaat daripada apa yang dibentangkan PM. **WK**

Cadangan naikan SST dihentam, rakyat perlu lihat impak positif dahulu

PERUNTUKAN RM393.8 bilion untuk Belanjawan 2024 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim merupakan belanjawan tertinggi pernah dibentangkan.

Dalam pembentangan tersebut, kerajaan bercadang untuk menaikkan Kadar Cukai Perkhidmatan (SST) daripada 6% kepada 8%.

Namun, tular dalam media sosial mendakwa peningkatan tersebut akan membebaskan kewangan rakyat.

Malah, ada sesetengah juga yang mendakwa apabila SST dinaikkan maka harga barang juga akan meningkat seterusnya memberi kesan yang sangat ketara kepada kos sara hidup.

Bagi Wilayahku, sebelum berkongsi tentang sesuatu yang kita sendiri belum fahami sepenuhnya seperti SST sepatutnya jangan sewenang-wenangnya kita bahas di media sosial.

Ini kerana, fakta yang belum tentu betul itu mampu menakutkan orang ramai sekali gus mengundang kebencian kepada kerajaan sehingga terlupa manfaat yang diperolehi dalam Belanjawan 2024 itu sendiri.



CADANGAN kenaikan SST tidak termasuk perkhidmatan seperti makanan dan minuman.

Apabila PM membentangkan cadangan tersebut, beliau turut menegaskan bahawa peningkatan tersebut tidak termasuk perkhidmatan seperti makanan, minuman dan telekomunikasi.

Dalam masa yang sama, kerajaan akan meluaskan skop perkhidmatan bercukai meliputi perkhidmatan logistik, pembrokeran, penajaminan dan karaoke.

Mungkin ramai yang belum tahu bahawa anggaran RM3 bilion pendapatan tambahan kepada

negara berlaku dengan kenaikan SST bermula tahun depan.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican berkata jumlah itu adalah anggaran yang dibuat oleh Kementerian Kewangan.

"Seperti mana yang telah disebut, Kementerian Kewangan buat masa ini membuat anggaran akan dapat RM3 bilion daripada langkah berhubung dengan cukai perkhidmatan," katanya.

Dalam masa yang sama, menurut

Pengerusi Khazanah Research Institute (KRI), Tan Sri Nor Mohamed Yacop, langkah kerajaan tersebut dilihat akan memperkukuh kedudukan fiskal negara, selain mengurangkan kesan kepada isi rumah.

"Langkah rasionalisasi subsidi serta perluasan dasar cukai membolehkan kedudukan fiskal negara kekal kukuh dalam menghadapi ketidakstabilan dan kompleksiti dalam arena antarabangsa pada masa ini.

"KRI yakin tumpuan kerajaan melalui keutamaan kepada reformasi struktur, terutamanya kepada penekanan langkah-langkah tanggungjawab fiskal dan pertumbuhan yang inklusif, adalah tepat pada masanya dan merupakan instrumen penting dalam pertumbuhan dan pembangunan Malaysia untuk jangka masa panjang," katanya.

Diharapkan semua pihak bertenang kerana cadangan ini dilihat mampu membawa kebaikan kepada negara. Walau bagaimanapun, kita tunggu sahaja pengumuman kerajaan mengenai mekanisme terperinci terhadap penyusunan subsidi. **WK**

MENARIK DI WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

31/8-31/10/23: Pameran Malaysia Tanah Airku @ Muzium Negara

20-22/10/23: Festival Seni Hidup @ Lalaport Bukit Bintang

3-5/11/23: Inspitari 2023 @ MaTIC KL

10-31/12/23: Plant Success Stories @ Shark Parade, Aquaria KLCC

PUTRAJAYA



21-22/10/23: Putrajaya Aquafest 2023 @ KOSA Presint 6

22/10/23: Garmin Run Asia Series 2023 - Malaysia @ Dataran Putrajaya Score Sports Management Sdn Bhd

26-29/10/23: Karnival Usahawan Desa @ Anjung Floria

28-29/10/23: Putrajaya Night Marathon 2023 @ Dataran Putrajaya

29/10/23: Putrajaya Pink Oktober Run 2023 @ KOSA, P6

30/10/23: National Explorace: Edisi Batik @ Dataran Wawasan

LABUAN



Oktober 2023: Kejohanan Silat Tanding & Seni Usia Dini Terbuka Labuan @ Dewan Arena Labuan

21/10/23: Pertandingan Fast Typing @ PEDI Kg Sg Labu

3-5/11/2023: Labuan International Bike Week 2023 @ Medan Selera Labuan

4/11/2023: Pertandingan karaoke @ Taman Burung Labuan

4/11/2023: Pertandingan Eksplorasi Bahasa @ Ujana Kewangan

9/12/2023: Labuan Superhero 2023 Fun Run @ Padang Dataran Labuan

AZLAN ZAMBRY

LEDAKAN Revolusi Industri (IR) 4.0 telah menyaksikan banyak perubahan dalam landskap ekonomi negara masa kini. Khidmat tenaga buruh juga semakin mengecil disebabkan banyak perniagaan mulai berhijrah ke arah digitalisasi.

Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta dalam negara dilihat ketinggalan dalam menyediakan tenaga mahir yang dapat memacu industri ke arah lebih tinggi sekali gus meningkatkan keupayaan negara dalam industri tersebut khususnya dalam penguasaan teknologi baharu yang selari dengan 5G.

Menyedari hakikat ini, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) mengambil inisiatif dengan menyediakan peluang latihan dalam bidang berkenaan kepada semua pihak berkepentingan termasuk menganjurkan Persidangan Pembangunan Kapasiti atau *Capacity Development Conference 2023* yang memfokuskan kepada peningkatan kemahiran tenaga mahir dalam industri yang melibatkan teknologi 5G.

Situasi dunia hari ini yang rancam serta penggunaan teknologi yang melingkari kehidupan seharian menyebabkan negara memerlukan bakat yang boleh memberikan manfaat dalam pengembangan industri sekali gus memberi kesan kepada pendidikan tinggi negara yang kini masih kekal dalam mode tradisional.

Krisis ekonomi global, penyebaran wabak penyakit, persaingan global akibat globalisasi dan cuaca ekstrem semuanya harus diuruskan dengan menggunakan teknologi terkini. Kadar perubahan yang semakin pantas disebabkan ledakan digital memerlukan anjakan paradigma untuk merencana tindakan yang boleh meneutralkan keadaan.

Semua perkara berkenaan menunjukkan bahawa kita kini hidup dalam keadaan pasca normal. Dalam hal ini, ia tentunya memberi impak yang sangat besar kepada pendidikan tinggi seterusnya survival negara yang kini menunjukkan keberagamaan terhadap teknologi 5G yang turut terkait dengan sumber pendapatan.

Pemegang Kursi Ibnu Sina, Kursi Bidang Perubatan Kampus Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Profesor Emeritus **Datuk Dr Asma Ismail** berkata dasar pendidikan tinggi negara perlu berubah dan perlu selari dengan keutamaan industri melalui penyediaan latihan dan pemerkasaa sumber manusia yang relevan dengan teknologi terkini.

"Pendidikan tinggi perlu diteruskan secara digital dan menjalan penyelidikan dan pendidikan multi *inter disiplin* dan *trans disiplin*. Kita juga mestilah bergerak pantas untuk sesi pembelajaran yang panjang kerana inilah cara untuk maju.

"Ia juga bertepatan dengan apa yang pernah disebut oleh pemimpin



ASMA

CDC 2023: Platform bangunkan kepakaran ICT tempatan



PEMAIN industri, wakil Kerajaan dan agensi serta pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) tekun mendengar penerangan mengenai pembangunan kapasiti di dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan 5G yang disampaikan Oleh panel jempuan.

korporat dan industri bahawa keperluan kelayakan mikro dan peluang pembelajaran berterusan adalah sangat penting," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan tama bertajuk *Industry-Ready Talents For Malaysia: An Insight On Malaysia's Continuous Journey Towards Future-Ready Talents* pada *Capacity Development Conference 2023* di ibu negara baru-baru ini.

GALAKKAN BUDAYA INOVASI DAN KEUSAHAWANAN

Asma berkata era globalisasi adalah penting untuk membina kecekapan silang budaya dan kurikulum global khususnya untuk pembangunan sumber manusia dan kepakaran tempatan.

"Dalam situasi ini, semua pihak perlu menyesuaikan diri dengan perubahan termasuk kerajaan melalui program pembiayaannya yang berasaskan hasil. Selain itu, daya inovasi dan keusahawanan untuk pelajar IPT perlu digalakkan.

"Kualiti dan akreditasi juga perlu berkembang kerana kita tidak boleh melakukan perkara yang sama seperti yang kita lakukan sekarang melalui kaedah pendidikan tradisional," ujarnya sambil menambah IPT mesti beralih daripada pendidikan berstruktur kepada pendidikan fleksibel.

Tambah Asma, tahap pendidikan peribadi juga perlu berubah dan perlu diperakui kelayakan alternatif. Ia bermakna nilai ijazah semakin berkurangan kerana terdapat cara lain untuk mengiktiraf kelayakan seseorang.

Justeru itu katanya, pendidikan merupakan elemen utama memandangkan penggunaan teknologi melibatkan manusia dan juga mesin sangat penting kepada kita untuk mendorong nilai yang meliputi kepelbagaian, kesaksamaan, keterangkuman dan inklusif.

Kata Asma, secara asasnya digitalisasi merupakan platform untuk pendidikan masa depan dalam negara kita serta dunia. Jadi, ia bergantung sepenuhnya kepada ketersambungan dan capaian internet.

"Jika kita merujuk kepada trend global, kita mula melihat perubahan dalam kemahiran terdapat peningkatan yang ketara dalam unjuran sehingga tahun 2025 iaitu hanya dua tahun dari sekarang.

"Dengan kelebihan teknologi kecerdasan buatan (AI), automasi dan robotik, kita akan dapat melihat 97 juta peranan baharu muncul dengan 85 juta pekerjaan telah dipindahkan.

"Tetapi apa yang penting ialah menjelang tahun 2025, sebanyak 50 peratus daripada semua pekerja memerlukan kemahiran semula atau *reskilling* bagi padanan pekerjaan," katanya.

Tegas Asma, apa yang penting dan perlu ditekankan adalah cabaran global iaitu 9 daripada 10 pekerjaan dalam permintaan pekerjaan menjelang 2025 mesti berkaitan Sains, Teknologi dan Matematik (STEM).

"Untuk Malaysia bergerak ke hadapan, mata pelajaran Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) mesti dijadikan fokus utama untuk membangunkan negara dan

teknologi hari ini merupakan asas kepada STI," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi MCMC, **Datuk Mohd Ali Hanafiah Mohd Yunus** berkata isu mengenai kesediaan tenaga kerja dan tenaga mahir bagi bidang telekomunikasi serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) tidak hanya membabitkan Malaysia sahaja, malah banyak negara lain turut menghadapi potensi kekurangan tenaga kerja mahir, yang boleh memberi kesan negatif kepada pertumbuhan ekonomi dan usaha pembangunan negara.

Memetik kenyataan *International Data Corporation (IDC)*, beliau berkata sekitar 60 hingga 80 peratus organisasi di Asia Pasifik mendapati sukar atau amat sukar untuk mengisi kekosongan di banyak peranan dalam Teknologi Maklumat (IT) termasuk keselamatan, pemaju dan profesional data.

"Kira-kira 53 peratus organisasi Asia Pasifik mengambil masa tiga hingga empat bulan lebih lama daripada biasa untuk mengisi peranan dalam teknologi itu berbanding setahun yang lalu," tambahnya.

Merujuk kepada inisiatif MCMC, Mohd Ali berkata terdapat 911 Pusat Ekonomi Digital (PEDI) yang boleh diakses oleh banyak komuniti di seluruh negara setakat ini, dengan lebih 25,000 usahawan PEDI berjaya menjalani latihan dan menyesuaikan diri dengan ekonomi digital.

Beliau berkata geran penyelidikan bernilai hampir RM4 juta telah diagihkan di bawah Program Kerjasama Penyelidikan Media Rangkaian (NMRCP) sebelum ini, dan program semasa Geran Penyelidikan Masyarakat Digital (DSRG), yang menjana lebih 50 projek penyelidikan yang telah siap.

CDC23 ialah persidangan dua hari yang bertujuan menangani, meneroka dan mencari penyelesaian bagi keperluan kemahiran dan kesediaan tenaga kerja dalam bidang telekomunikasi dan ICT.

Persidangan itu juga membolehkan peserta daripada pelbagai agensi seperti kerajaan, pemain industri, entiti swasta dan ahli akademik berkongsi idea, mendapatkan pandangan, berhubung dan memupuk kolaborasi untuk pembangunan kapasiti bagi industri telekomunikasi dan ICT.

CDC 2023 PENUHI KEPERLUAN INDUSTRI

Dalam pada itu, Penyelidik Utama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) **Dr. Aminatul Saadiah Abdul Jamil** berkata menyifatkan program yang dianjurkan oleh MCMC tepat pada masanya

berikutan teknologi kini berkembang dengan amat pantas dan keterlibatan MCMC yang memberi panduan kepada semua pemain industri, pihak universiti dan swasta untuk bersama-sama dengan aspirasi kerajaan mengenai teknologi terkini.

Jelasnya, Malaysia tidak boleh tercicir dari arus perkembangan pesat teknologi serta 5G malah setiap individu juga tidak boleh ketinggalan kerana ia dapat menghubungkan kita dengan dunia luar dan boleh meraih pelbagai manfaat serta keuntungan dalam pelbagai bentuk.

"Program ini adalah satu proses menambahkan usaha ke arah membentuk tenaga kerja yang cekap, berkemahiran dan setaraf dengan penanda aras dunia," katanya.

Menurut Aminatul, sebagai tenaga pengajar di IPTA, beliau optimis dengan kemampuan pelajar IPT yang dilihat mampu menguasai ilmu ICT sekiranya mereka tidak malu untuk menuntut ilmu dalam bidang berkenaan.

"Dunia hari ini bergerak secara bebas dan secara maya kita tiada sempadan. Kita akan dapat lihat semua perkara bergerak dengan pantas dan pelajar-pelajar ini sekiranya mereka buang perasaan takut, kita akan berjaya melahirkan pakar-pakar di dalam bidang teknologi yang sebaris dengan negara dunia," katanya. **WK**



AMINATUL



MOHD ALI HANAFIAH



ANTARA kilang pemprosesan ayam di Batu Caves, Kuala Lumpur yang digempur dalam pemeriksaan mengejut oleh DBKL.

Tiga kilang pemprosesan ayam di Batu Caves digempur DBKL

HAZIRAH HALIM

TIGA buah kilang memproses ayam di Batu Caves, Kuala Lumpur digempur oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) baru-baru ini.

Pemeriksaan mengejut itu dijalankan seawal pukul 2 pagi dengan penglibatan seramai 17 anggota dari Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar DBKL dan diketuai oleh Timbalan Pengarah Kanan, Dr Nor Halizam Ismail.

DBKL dalam satu hantaran di laman Facebook memaklumkan hasil pemeriksaan mendapati

beberapa kesalahan telah dilakukan antaranya tidak memiliki sijil pengiktirafan penyembelihan selain tiada sijil halal, premis tidak bersih serta menggajikan pekerja warga asing yang tidak mendapatkan suntikan tifoid.

“Kesalahan lain yang turut didapati adalah tiada sistem tapisan sisa serta menyalurkan sisa fizikal dan darah terus ke longkang awam,” jelas DBKL.

Susulan daripada itu, DBKL telah mengeluarkan lapan kompaun iaitu tiga kompaun di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) 25 (1)(b) UUKPPM (WPKL) 2016

atas dakwaan lantai dan dinding di ruang pemprosesan ayam kotor dengan sisa efluen, lemak dan darah ayam.

“Dua kompaun turut dikeluarkan di bawah UUK 38(1) UUKPPM (WPKL) 2016 kerana gagal mengemukakan apa-apa maklumat atau dokumen selain tiga kompaun di bawah Seksyen 47(1)(d) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 kerana mengalirkan sisa efluen, lemak dan darah terus ke longkang atau saluran awam.

“Pengurusan kilang turut diberi amaran dan nasihat berkaitan kehendak-kehendak kesihatan

manakala dua premis telah diarahkan tutup serta-merta melalui Notis Perintah Penutupan di bawah Seksyen 11 Akta Makanan 1983 dan UUK 28(1) UUKPPM (WPKL) 2016 bagi melakukan kerja-kerja pembersihan dan penambahbaikan.

“Selain itu, laporan juga akan dipanjangkan kepada Jabatan Pelesenan dan Perniagaan untuk pembatalan lesen serta turut dipanjangkan kepada agensi sahabat iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) serta Jabatan Alam Sekitar untuk tindakan lanjut,” katanya. **WK**

ANDA BERBAKAT MENULIS BERITA?

Hantarkan sebarang berita menarik yang berlaku di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya atau Labuan.

Berita yang dihantar mestilah disertakan dengan foto atau rakaman video.

Berita dan gambar/video yang terpilih akan disiarkan di akhbar dan platform media sosial Wilayahku.

Setiap kandungan yang tersiar akan menerima bayaran sugu hati dan berpeluang menjadi Wartawan Komuniti (WK) Wilayahku.

Pastikan kiriman anda adalah asli dan tidak pernah disiarkan di mana-mana platform media lain.

Hantarkan kepada:

editorwilayahku@gmail.com



CERITA KEDAI KOPI

Lif premis lima tingkat

BARU-BARU ini kawan-kawan Kedai Kopi berkunjung ke rumah seorang rakan yang terletak di tingkat lima atau tingkat paling atas, salah satu blok apartmen di ibu kota.

Berpeluh juga untuk mendaki tangga ke tingkat tersebut kerana tidak ada lif. Pada usia yang sudah dianggap otai, memang terasa sakit kaki dan lutut menaiki tangga satu persatu. Rasa lega apabila akhirnya sampai ke unit kediaman rakan.

Sukar untuk kawan-kawan Kedai Kopi bayangkan kepayahan mereka yang tinggal di unit atas atau tingkat tiga dan empat, saban hari turun naik tangga untuk sampai ke rumah. Jika hanya membawa badan pun terasa letih, apatah lagi jika membawa beban seperti barang-barang berat.

Mungkin juga bagi yang tinggal di situ ia bukan isu. Bak kata orang, alah bisa tegal biasa. Kerana sudah menjadi rutin harian, ia dianggap biasa. Namun bagi yang sekali-sekala seperti kawan-kawan Kedai Kopi memang terasa

lelahnya.

Ketiadaan khidmat lif bagi unit yang mempunyai lima tingkat atau kurang adalah perkara biasa di bangunan komersial atau kediaman. Ini kerana hanya bangunan melebihi lima tingkat diwajibkan ada lif. Namun begitu ada juga bangunan lima tingkat yang ada lif.

Kerana itu pada hemat kawan-kawan Kedai Kopi, kerajaan wajar mengkaji semula peraturan dengan mewajibkan lif disediakan bagi bangunan lima tingkat. Langkah ini akan memberi kesenangan untuk para penghuni.

Lif akan memudahkan pergerakan turun naik penghuni, terutama ketika kecemasan seperti membawa pesakit ke hospital. Kawan-kawan Kedai Kopi juga pernah lihat sukarnya membawa jenazah turun dari tingkat atas. Perlu bantuan ramai orang.

Malah dikatakan mereka yang tinggal di tingkat atas kurang minat kerap turun naik, terutama yang sudah berusia. Apabila sudah naik ke rumah, mereka lebih suka duduk berehat. Jarang mereka turun, kecuali jika perlu.

Diharap pada masa akan datang akan berlaku perubahan dalam pembinaan unit kediaman atau pejabat lima tingkat. Berilah kemudahan kepada penghuni walaupun kemudahan itu tidak seperti mudahnya mereka

yang mendiami unit atas tanah atau 'landed property'.

Perlu diingat mereka yang mendiami unit tiada lif ini terdiri daripada pelbagai peringkat umur dan keadaan fizikal berlainan. Ada yang sudah lanjut usia, ada yang berstatus Orang Kurang Upaya (OKU) dan sebagainya. Wajar sangat mereka disantuni.

Hotel di masjid

HOTEL di masjid? Jarang masjid ada kemudahan seperti ini. Jika ada pun kemudahan di sesetengah masjid ialah inap desa atau *homestay* dengan jumlah penginap yang terhad. Namun Masjid Al-Ghufran, Kompleks Balai Islam, Pinggir Taman Tun Dr Ismail (TTDI), Kuala Lumpur, dianggap unik. Bukan sahaja ia rumah ibadat untuk penduduk Islam tempatan dan sekitar, ia juga menyediakan kemudahan hotel.

Hotel mengandungi 24 bilik ini mampu menempatkan sehingga 78 orang pada satu-satu masa. Tentu sahaja ia memberi kemudahan kepada musafir yang datang dari jauh untuk menginap dengan kadar sewa berpatutan berbanding hotel biasa.

Kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan, kemudahan hotel ini adalah antara ciri utama

keistimewaan Masjid Al-Ghufran. Daripada segi bangunan, masjid ini berdiri di atas tapak tanah bukit berhadapan Lebuhraya Damansara—Puchong. Kebanyakan masjid dibina di atas tapak lapang dan rata.

Juga istimewa masjid ini kerana ia dibina hasil permuafakatan penduduk setempat. Pada peringkat awal mereka membina surau setelah kawasan tersebut mula didiami oleh ramai penduduk.

Surau ini dibina dengan kos RM5 juta pada April 1993 dengan nama surau Balai Islam. Ia kemudian dinaik taraf sebagai surau Jumaat pada Februari 1995 dan seterusnya dinaik taraf sebagai masjid pada April 2000 berikutan peningkatan jumlah penduduk.

Masjid tersebut yang berukiran indah di dalamnya, persis reka corak masjid di Asia Barat, merupakan masjid yang aktif. Pelbagai aktiviti dilaksanakan, termasuk kelas pengajian agama pada hujung minggu, kursus kahwin dan tazkirah. Ia juga menyediakan kemudahan dewan seminar serta rumah petugas.

Bagi masyarakat Islam luar yang datang ke Kuala Lumpur, bolehlah datang melawat Masjid Al-Ghufran dan melihat sendiri kemudahan disediakan. Menginaplah di hotel masjid tersebut jika ingin tinggal untuk beberapa hari di ibu kota.

Zubir Ali dan tragedi di Palestin



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

SETIAP kali meletus konflik pertumpahan darah dan kehilangan nyawa di Palestin, saya segera teringat pada Allahyarham Zubir Ali. Termasuklah serangan tentera zionis Israel terbaru yang mengorbankan ribuan nyawa orang awam Palestin tidak berdosa di Semenanjung Gaza.

Peperangan antara pejuang Hamas dengan tentera zionis Israel yang dianggap oleh banyak penganalisis geopolitik sebagai '9/11 kedua' kerana dahsyatnya tentera zionis peminum darah yang mabuk kuasa. Ini siri pembersihan etnik yang entah kali ke berapa dan kita melihat dari jauh akan penderitaan umat Islam di sana.

Lagu 'Balada Seorang Gadis Kecil' ciptaan dan nyanyian Zubir Ali telah dipilih menjuarai Pesta Lagu Malaysia tahun 1983. Zubir dianugerah pencipta lagu terbaik. Bagaimanapun yang menjadikan lagu itu lebih diingat dan malar segar bukanlah kerana anugerah. Sebaliknya keberadaan karya seni itu membawa reaksi seniman terhadap satu tragedi kemanusiaan.

Seniman adalah pemikir yang ada kepedulian tinggi terhadap manusia, kehidupan dan kemanusiaan. Seniman berada dalam keadaan sedar dan amat peka serta memberikan reaksi melalui karya seninya. Maka setiap karya yang dihasilkan adalah reaksi terhadap sesuatu yang singgah dan menggelorakan jiwanya.

Walaupun banyak individu lain yang bergiat dalam bidang seni, tetapi tidak semuanya pantas dan peka terhadap sesuatu yang berlaku. Hal inilah yang membezakan seniman seperti Zubir Ali dengan sesetengah pencipta lagu dan penyanyi lainnya.

Zubir melakukan tanggungjawab atas kedudukannya sebagai seniman. Beliau menyuarakan dalam karya yang kesannya meluncur jauh di jiwa khalayak. Sudah terbukti karya seni lebih membekas berbanding pengucapan yang retorik dan didaktik di pentas-pentas awam. Ia dirasakan lebih jernih dan jujur serta tidak lusuh ditelan zaman.

'Balada Seorang Gadis Kecil' adalah karya yang membawa kita menghayati dan mengambil iktibar tentang sekelompok manusia yang bebal dan angkuh. Mereka itu tentera zionis Israel yang lebih



KEKEJAMAN Israel terhadap penduduk Palestin tidak pernah berakhir. - Gambar hiasan

buruk daripada haiwan kerana melakukan dua kerosakan sekali gus – pertama merompak tanah air Palestin dan kedua membunuh tuan tanahnya.

Karya itu terilham daripada tragedi pembunuhan beramai-ramai di kem pelarian Sabra dan Shatila dekat Beirut, Lebanon tahun 1982. Kejadian ini amat dahsyat dan tidak terjangkau oleh fikiran manusia yang bertamadun. Ini bukan perang, tetapi pembunuhan beramai-ramai oleh tentera zionis Israel.

Dalam laporan media, saksi memberitahu, mangsa terdiri daripada wanita dan kanak-kanak yang dibunuh secara kejam – mata dicungkil, disembelih, perut terburai dan kepala pecah akibat dibelasah dengan kapak. Bagaimanapun pelakunya tentera zionis Israel menafikan melakukan kekejaman itu.

Tragedi yang bermula pukul 6 petang 16 September hingga 8 pagi 18 September itu telah menyapu bersih, hampir tidak ada yang hidup kecuali seorang gadis kecil bernama Munir. Dia terselamat walaupun tubuhnya penuh luka parah akibat peluru. Sangat menakutkan kuasa Yang Maha Esa.

Zubir mengabadikan Munir dalam puisinya, "Munir ditembak penuh luka / tapi ajalnya belum

tiba / kerana Tuhan mengasihi dia / peristiwa hitam 17 September / telah menjadi bukti / sempurnalah kekejaman / suatu bangsa yang sombong dan hina."

Di atas kertas, pembunuhan itu dikatakan angkara puak pelampau Kristian Lebanon. Tetapi sebenarnya arahan Menteri Pertahanan Israel, Ariel Sharon supaya 'membersihkan' kem yang penuh sesak dengan wanita dan kanak-kanak Islam Palestin dan Lebanon.

'Balada Seorang Gadis Kecil' adalah sumbangan seniman menyingkap krisis kemanusiaan yang tenat di satu penjuru dunia. Lagu ini juga sebuah dokumentasi sosial mengenai tragedi yang sukar dilupa. Karya muzik yang bertanggungjawab tidak memberikan pil khayal dan mencipta ruang eskapisme. Ia memberikan kepahitan untuk menelan realiti.

Zubir Ali ternyata bukan pencipta lagu yang leka dan terpesona dengan kemilau. Beliau seorang seniman yang berkarya untuk membina manusia, menunjukkan lorong selain mengajak khalayak berfikir dan merasa sesuatu yang bergejolak di jiwanya. Sudah tentulah cara berfikirnya tidak sama dengan

individu yang sekadar mencari makan dengan seni.

Saya seperti juga orang lain yang tidak ada pengetahuan mengenai muzik, tetapi dapat menikmati lagu ini dengan semahunya. Hal ini membuktikan karya seni adalah bahasa sejagat yang merentas kelas, kaum dan budaya manusia.

Saya tidak tahu menggunakan istilah muzik untuk menggambarkan ketepatan lagu itu dengan jiwa. Cuma yang boleh digambarkan adalah lagunya sangat menusuk, bagai tidak mahu melepaskan apabila tiba pada baris yang terakhir. Kesannya berlapis-lapis – sedap di telinga dan menusuk di jiwa.

Tragedi Sabra dan Shatila itu sangat mencederakan jiwa manusia yang tinggi adab serta nilai kemanusiaan. Zubir Ali seorang seniman yang tangan dan jiwanya menggenggam seni membentuk pemikiran massa. Beliau melakukan dalam ruang dan bidang kearifannya – menulis puisi, mencipta melodi kemudian menyanyikan sendiri.

Pada sekitar tahun 1990, Zubir pernah memberitahu saya, lagu itu terilham selepas membaca berita tragedi pembunuhan berkenaan dalam *Utusan Malaysia* 18 September 1982. Berita itu sangat mengganggu sarapan paginya.

Beliau menjadi sangat marah tentang tragedi di satu sudut benua itu.


Beliau membaca surat khabar itu berulung kali sambil menggigil. Kopi yang masih berbaki di atas meja hampir tidak terdaya dihabiskan. Walaupun kejadian itu dipisahkan jarak beribu batu, tetapi rasa kemanusiaan tetap dekat dan satu.

Saya mendengarnya dengan penuh pesona, ikut berkongsi keadaannya yang terganggu oleh kejadian seburuk itu. Matanya yang jernih itu tergenang dan Munir anak malang itu sangat meruntun perasaannya. Saya terhenti mencatat, malah tidak perlu mencatat kerana kisahnya sudah sampai ke jiwa.

"Ariel Sharon fikir dia boleh menjadi tuhan untuk memamatkan semua manusia. Allah menghantar isyarat supaya jangan angkuh, Munir tidak mati walaupun cederanya amat parah. Saya mendapat kekuatan daripada Munir untuk mencipta puisi dan lagu," tegas Zubir.

Ternyata 'Balada Seorang Gadis Kecil' bukanlah mesej daripada Zubir, sebaliknya sebuah wacana kemanusiaan mengenai baik dan jahat serta yang angkuh dan mulia pekerti setiap manusia. Kini Zubir Ali sudah tiada. Beliau kembali ke pangkuan Ilahi pada 6 Mac 2009 dengan meninggalkan bergugus karya yang menyalakan kesejahteraan dan kemanusiaan.

Ingatan kepadanya muncul lagi. Setiap kali rakyat Palestin disembelih tentera zionis Israel, saya malah orang lain juga pasti teringat tentang rakaman tragedi yang berulang dan serupa dengan 'Balada Seorang Gadis Kecil.'



t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM

WILAYAHKU

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



YWP santuni dua insan kurang bernasib baik di PA Sri Kelantan

HAZIRAH HALIM

HASRAT seorang warga emas yang juga Orang Kurang Upaya (OKU), **Hamimah Abdul Hadi**, 75, untuk memiliki kerusi roda akhirnya tercapai dengan bantuan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) baru-baru ini.

Sebelum ini dia hanya menggunakan troli pasar sebagai alat bantuan sokongan untuk memapahnya ketika berjalan.

Simpati dengan keadaan itu, barisan kepimpinan Parlimen Batu memanjangkan kisah tersebut kepada YWP lantas Hamimah dibantu sekali gus mengurangkan bebannya.

Ahli Parlimen Batu, **Prabakaran M Parameswaran** berkata beliau berasa terpenggal untuk membantu Hamimah yang hidup sebatang kara sejak suaminya meninggal dunia 14 tahun yang lalu.

"Justeru itu, YWP dengan kerjasama Parlimen Batu menghadihkan sebuah kerusi roda



HAMIMAH (tengah) beramah mesra bersama Prabakaran (kiri) dan Mustafa (kanan) selepas sesi serahan sumbangan di PA Sri Kelantan baru-baru ini.

untuk kemudahan pergerakannya serta sumbangan wang tunai untuk kegunaan kos perbelanjaan dan rawatan," katanya ketika ditemui pemberita selepas sesi serahan bantuan di Perumahan Awam (PA)

Sri Kelantan, baru-baru ini.

Turut hadir Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWP, Mohd Mustafa Ghazanfar dan Pengurus Kanan Pembangunan dan Kesejahteraan Ekonomi, Zahrulail

Abdul Rahman.

Dalam perkembangan lain, Prabakaran turut menyerahkan bantuan kerusi roda, wang tunai dan kios bergerak kepada penjual kuih frozen, Siti Noor Ellyana Mohd Ariffin di kawasan yang sama.

"Pemohon kini perlu menjaga suaminya yang menghidap strok sejak terlibat dalam kemalangan jalan raya selain lima orang anak, di mana dua orang daripadanya merupakan autisme dan OKU," ujar beliau wanita tersebut juga menjaga ibunya yang sudah uzur.

Prabakaran turut mengucapkan terima kasih kepada YWP di atas kesudian menghulurkan sumbangan dan berharap jalinan kerjasama berkekalan serta dapat membantu lebih ramai yang memerlukan.

Sementara itu, YWP dalam satu kenyataan turut mengalu-alukan sumbangan daripada individu atau syarikat korporat dalam usaha meningkatkan taraf hidup warga kota di samping menoktahkan kemiskinan bandar.

Info ADUAN

DBKL
Tel : 03-2617 9000

Perbadanan Putrajaya
Tel : 03-8887 7000
Aduan : 03-8887 3000

Perbadanan Labuan
Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852

Jabatan Agama Islam KL
03-2274 9333

Jabatan Agama Islam Putrajaya
03-8884 2600

Jabatan Agama Islam Labuan
087-415 311

Wilayahku
WhatsApp
: 011-5958 7489

"Salurkan sumbangan anda ke Tabung Kebajikan dan Pelajaran YWP di akaun CIMB Bank, **8001103675** atas nama Yayasan Wilayah Persekutuan serta catatkan kod Sumbangan Tabung YWP," kongsiannya. **WK**

Pameran Bunga Kembang di KLCC tarik perhatian pengunjung dalam dan luar negara

DIANA AMIR

PUSAT beli-belah ikonik, Suria KLCC membuka tirai bulan Oktober dengan menganjurkan Kempen Kesihatan Mental bagi memperkasa kesihatan diri secara holistik.

Bersempena kempen tersebut, sebuah Pameran Bunga Kembang yang dinamakan sebagai Pengalaman Arty Inflatable turut diadakan bermula 8 sehingga 22 Oktober 2023.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Suria KLCC, **Andrew Brian**, pengalaman interaktif ini bakal dijadikan sebagai titik perasmian kempen kali ini yang telah berjaya direkod dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR) sebagai Pameran Bunga Interaktif Terbesar di Malaysia.

"Pameran ini juga berkait rapat dengan tema kesihatan mental di mana setiap kuntum bunga dipilih secara khusus dengan penelitian aspek yang berhubung kait dengan kesihatan mental. Sebagai contoh, bunga ros adalah lambang penjagaan diri manakala bunga matahari melambangkan sifat positifiti dan optimistik," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Andrew berkata pihaknya juga menyediakan *Safe Space* sepanjang penganjuran kempen pada 6 sehingga 15 Oktober lalu yang terdiri daripada tiga zon iaitu *physical & spiritual, emotional & mental* dan *social & leisure*.

Seiring dengan tema Federasi Sedunia untuk Kesihatan Mental



PAMERAN Bunga Kembang berjaya direkod dalam MBOR sebagai Pameran Bunga Interaktif Terbesar di Malaysia.

(*Mental Health is a Universal Human Right*), Andrew berkata kempen kesihatan mental tahun ini berpaksikan tema penjagaan diri dengan slogan *Your Mind, Your Journey*, dilihat menitikberatkan aspek penting dalam penjagaan emosi, fizikal dan kesihatan mental secara menyeluruh.

"Kempen ini diadakan berbekalkan komitmen yang jitu dalam memperkukuh kesedaran kesihatan fizikal dan emosi, malah kesejahteraan sosial yang menyeluruh di dalam komuniti ini.

"Hasil jualan Suria Ribbon Pin juga dikekalkan sebagai objektif utama untuk pengumpulan dana dan kesemua hasil akan disumbangkan sepenuhnya bagi menjana kejayaan kempen ini. Pin tersebut boleh didapati di kaunter pertanyaan dengan harga RM10," ujarnya kempen ini turut mendapat kerjasama badan bukan kerajaan (NGO) seperti *Green Ribbon Group, Mental Health Association, Befrienders KL, Mental Illness Awareness Support Association* serta *Nyawa Organisation*. **WK**

Pasport 50WP terima sambutan hangat

KETERUJAAAN warga kota menjelajah dan menikmati keindahan serta keunikan di lokasi-lokasi *pickup point* di bawah Program Pasport 50WP semakin mendapat sambutan.

Ia berdasarkan laporan statistik pada 16 Oktober (Isnin) di laman *Facebook* Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) menunjukkan sebanyak 3,282 buku Pasport 50WP telah pun diambil dari pelbagai *pickup point* di sekitar Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Justeru itu, bagi yang belum mengambil bahagian, anda dialu-alukan untuk menyertai Pasport 50WP yang akan berakhir pada 25 Februari



2024.

Antara *check point* yang bakal dilawati adalah Perpustakaan Kuala Lumpur, Hotel Premiera Kuala Lumpur, Masjid Putra, Putrajaya, Menara Seri Wilayah Blok 1 dan 2, Terminal Feri Labuan, Muzium Labuan, Ujana Kewangan Labuan dan banyak lagi.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut layari portal dan *Facebook* rasmi. **WK**



WK2

BI/233.20-26 OKTOBER 2023

MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU



Hari Tongkat Putih Antarabangsa: Advokasi OKU penglihatan

Dekati, sayangi OKU penglihatan



Foto/Video: AMIN FARU HASSAN

HAZIRAH HALIM

TANGGAL 15 Oktober setiap tahun adalah tarikh bermakna buat golongan Orang Kurang Upaya (OKU) Penglihatan di seluruh dunia kerana mereka diraikan dalam Sambutan Hari Tongkat Putih Antarabangsa.

Sambutan ini pada awalnya adalah untuk memberi kesedaran dan pendedahan kepada masyarakat umum dalam menyantuni golongan tersebut yang sedang berjalan menggunakan tongkat putih.

Di Malaysia, Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia (SBM) merealisasikan wadah perjuangan golongan OKU penglihatan dengan memilih Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur sebagai lokasi bagi menganjurkan Program Hari Tongkat Putih Antarabangsa Peringkat Kebangsaan (Advokasi kepada OKU Penglihatan) edisi ke-12 bagi tahun 2023 dengan bertepatan Masyarakat Inklusif ke Malaysia Madani.

Program yang diadakan pada Ahad lalu berlangsung meriah dengan kehadiran 500 peserta dari seluruh Malaysia selain turut diserikan dengan pelbagai aktiviti menarik.

Antaranya, perarakan mengelilingi tasik sejauh 2.3 kilometer (km) dengan diiringi pasukan Pancaragam Victoria Institution selain pameran oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pasukan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA), Perpustakaan Negara dan Pertubuhan Mata Kasih.

Mengulas lanjut mengenai program, Pengerusi Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia (SBM), **Mohammed Nazari Othman** berkata Hari Tongkat Putih merupakan sebuah program yang sinonim dengan Hari Penglihatan Sedunia (*World Sight Day*) yang diraikan pada hari Khamis kedua bulan Oktober setiap tahun.

"Ia lebih kepada kempen untuk menjaga kesihatan mata di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) manakala Hari Tongkat Putih pula lebih kepada memupuk dan meningkatkan semangat keprihatinan dalam kalangan masyarakat awam supaya lebih peka dan mengambil berat terhadap keperluan

asas OKU terutama kepada komuniti OKU penglihatan di Malaysia.

"Ini merupakan penganjuran edisi ke-12 semenjak pertama kali diadakan pada tahun 2010 di mana bandar raya Kuala Lumpur telah menjadi lokasi pertama pelaksanaan program ini," katanya ketika ditemui *Wilayahku* pada Program Hari Tongkat Putih Antarabangsa Peringkat Kebangsaan di Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur.

Tambah Nazri, program ini juga dijalankan sejajar dengan objektif yang ditetapkan iaitu memupuk dan meningkatkan semangat keprihatinan dalam kalangan masyarakat agar lebih peka terhadap kemudahan dan keperluan OKU penglihatan.

"Selain itu, ia juga diraikan untuk memupuk dan meningkatkan semangat sukarelawan terutama dalam kalangan belia serta memberi pengiktirafan kepada organisasi perkhidmatan pengangkutan yang menyediakan kemudahan mesra OKU.

"Hasrat kami adalah untuk mempertontonkan kepada masyarakat apakah fungsi tongkat putih tersebut di samping mengukir kemudahan kepada mereka seperti di sini (Taman Tasik Titiwangsa), *insya-Allah* kita akan berinteraksi dengan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk mewujudkan dan menambah kemudahan asas berkenaan," katanya.

Dalam pada itu, Nazri turut mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat termasuk seluruh jawatankuasa penganjur dan sukarelawan yang bertungkus

lurus dalam menjayakan program itu.

Ditanya mengenai peranan SBM dalam membantu perkembangan komuniti berkenaan, Nazri berkata setakat ini pihaknya telah berjaya melahirkan ramai tukang urut profesional dalam kalangan komuniti berkenaan.

"*Alhamdulillah*, ramai tukang urut dilahirkan daripada komuniti ini, sehingga ada yang mampu menggajikan pekerja dalam golongan berkenaan sebagai tukang urut baharu.

"Usaha kami tiada noktah. Kami akan terus salurkan maklumat kepada masyarakat tentang keupayaan, kelebihan dan saya harap kedudukan komuniti ini akan sama seperti rakyat Malaysia yang lain," katanya SBM memiliki seramai 7,682 ahli berdaftar berumur 18 tahun ke atas. WK



NAZARI OTHMAN



HARI Tongkat Putih turut dimeriahkan dengan persembahan pasukan Pancaragam Victoria Institution.



SUKARELAWAN membantu salah seorang peserta SBM berjalan.





Hentikan stigma, cuba dekati kami

UMUM mengetahui, cabaran paling besar kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) khususnya OKU penglihatan di Malaysia saban hari adalah mendapat peluang saksama dalam masyarakat.

Terdapat pelbagai faktor yang menghalang golongan ini mendapat peluang dan kemudahan sama seperti masyarakat lain antaranya perlu berdepan dengan sikap negatif dan diskriminasi ekoran kurangnya kesedaran mengenai keupayaan dan kebolehan mereka.

Melalui pelaksanaan Program Hari Tongkat Putih Antarabangsa Peringkat Kebangsaan (Advokasi Kepada OKU Penglihatan) bagi Edisi ke-12 tahun 2023 yang diadakan baru-baru ini, ia dilihat mampu memupuk kesedaran dan keprihatinan dalam

kalangan masyarakat awam akan kepekaan di samping mengambil berat terhadap keperluan asas OKU terutama kepada komuniti berkenaan.

Sejajar dengan objektif dan matlamat yang dinyatakan, rata-rata golongan berkenaan turut berpandangan bahawa program ini juga mampu mengubah stigma dan menghentikan diskriminasi berlarutan terhadap OKU penglihatan terutama di zaman era pemodenan ini.

Berkongsi pengalaman berdepan stigma masyarakat, **Khairul Azwan Wahab**, 36, yang merupakan salah seorang golongan OKU

penglihatan berkata dia pernah ditolak tawaran bekerja kerana faktor ketidakupayaannya untuk melihat.

"Saya pernah menghantar surat permohonan bekerja di salah sebuah syarikat tempatan dan apabila saya hubungi untuk dapatkan respons, mereka kata pihaknya tidak dapat mengambil saya bekerja atas faktor tidak mengambil OKU untuk bekerja di syarikat berkenaan.



AZWAN WAHAB

"Saya beritahu yang saya mempunyai ijazah tetapi mereka tetap dengan keputusan tidak mengambil saya bekerja dengan alasan yang sama. Selain itu, ada juga beberapa syarikat, bila

diberitahu OKU penglihatan, mereka terus tidak layan dan beri macam-macam alasan.

"Sejujurnya, perasaan ketika itu sangat sedih tetapi saya perlu kuat dan terus cekat berdepan dengan situasi tersebut dan saya harapkan stigma dan diskriminasi itu dapat dihentikan supaya ia tidak berlarutan," katanya ketika ditemui *Wilayahku* pada Program Hari Tongkat Putih Antarabangsa Peringkat Kebangsaan di Taman Tasik Titiwangsa, baru-baru ini.

Khairul yang mengalami masalah penglihatan sejak lahir ini turut berkata meskipun bersedih, dia akhirnya mendapat pekerjaan dan memegang jawatan sebagai Pegawai Tadbir di jabatan kerajaan.

Tambah Khairul, dia berharap melalui pelaksanaan program ini dapat mengubah pandangan masyarakat terhadap keupayaan dan kebolehan golongan OKU penglihatan.

"Tongkat putih adalah simbol kepada OKU penglihatan. Ia bukan sekadar dijadikan sebagai alat untuk membantu berjalan malah ia memberi syarat kepada pengguna jalan raya untuk lebih berwaspada kepada mereka.

"Sejujurnya, kami bukan nak minta belas kasihan tetapi kami ingin masyarakat memberi kami layanan sama seperti orang lain. Saya harap pelaksanaan program ini akan membawa manfaat kepada orang ramai untuk lebih mengenali dan memahami golongan seperti kami. Hentikan stigma, cuba dekati golongan seperti kami," katanya. **WK**



HARI Tongkat Putih disertai oleh peserta dari seluruh cawangan SBM peringkat negeri.



Dedah ilmu pengetahuan baharu kepada masyarakat

PROGRAM Hari Tongkat Putih amat signifikan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan apabila tongkat putih dijadikan sebagai simbolik kepada alat kebebasan untuk golongan berkenaan.

Melalui program ini juga, masyarakat dapat menambah pengetahuan terhadap penggunaan tongkat putih kepada golongan tersebut di mana ia turut dijadikan sebagai alat isyarat kepada orang ramai.

Salah seorang peserta Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia SBM, **Nurfarahin Norzaini** berkata melalui program ini, orang awam akan lebih memahami di samping mengetahui fungsi sebenar tongkat putih itu kepada golongan

berkenaan.

"Hari ini (15 Oktober), kami berarak mengelilingi tasik sejauh 2.3 kilometer (km) di mana ia adalah salah satu cara yang digunakan untuk memperlihatkan kepada umum tentang fungsi dan

bagaimana cara OKU penglihatan ini berjalan menggunakan tongkat putih.

"Dengan cara ini, saya percaya bila masyarakat nampak mereka akan lebih prihatin dan memahami maksud fungsi tongkat putih itu kepada kami.

"Mereka juga boleh menambah pengetahuan bahawa

tongkat putih ini merupakan signifikan kepada golongan OKU penglihatan dan mereka mengetahui bahawa ada segelintir OKU menggunakan tongkat putih ini sebagai pemandu arah ketika

hendak melintas jalan," katanya yang juga merupakan seorang OKU penglihatan.

Berkongsi pandangan tentang program, Nurfarahin berkata ia merupakan hari istimewa buat mereka dan berharap ia akan terus dilaksanakan pada tahun berikutnya.

Sementara itu, salah seorang peserta dari Pahang, Zalila Kassim atau lebih mesra disapa Kak Zack berasa teruja apabila dapat menyertai program ini dan berharap ia akan menjadi sebuah program yang bermanfaat bukan sahaja kepada masyarakat, sukarelawan dan juga pihak yang terlibat.

"Perasaan sangat seronok, walaupun penat pusing satu tasik ini tapi saya dapat lihat pemandangan, beramah mesra dengan kawan-kawan baru dan saya harap ia akan diteruskan pada masa hadapan," katanya yang ingin turut serta pada masa akan datang. **WK**



NURFARAHIN



Masjid 1 abad, gah di tengah kota



SEORANG jemaah sedang menunggu masuk waktu solat.



JEMAAH masjid sedang menunaikan solat Zohor.



MESKIPUN dalam kesibukan masyarakat sekitar mencari rezeki, sejurus azan berkumandang, ruang solat terus diisi, menyerahkan segalanya pada Allah.

Tahukah anda? Masjid yang tersergam indah di tengah kesibukan kota ini merupakan masjid tertua di bandar raya Kuala Lumpur.

Masjid India mula dibina sejak 1863, perasmianya disempurnakan DYMM Sultan Selangor, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 1974.

Biarpun usianya mencecah ratusan tahun atau lebih satu abad, sehingga kini, ia masih gah dengan nilai sejarahnya tersendiri.

Bertapak di Jalan Tuanku Abdul Rahman (yang dahulunya dikenali Batu Road), masjid ikonik yang mengagumkan ini berperanan penting menjadi pusat ibadah di tengah-tengah pusat perniagaan, tempat tumpuan ramai terutama musim

perayaan.

Masjid yang dahulunya hanya berkeluasan kecil pada awal pembinaannya, kini setelah beberapa pengubahsuaian mempunyai tiga tingkat ruang solat dan boleh memuatkan seramai 3,500 jemaah pada satu masa, terutama ketika solat Jumaat.

Khutbah Jumaat pula dibacakan dalam tiga bahasa iaitu bahasa Tamil, Inggeris dan Melayu.

Majlis ilmu juga tidak kurang hebatnya, seperti masjid lain, tempat ibadah ini padat dengan aktiviti dan pengisian keagamaan dari Subuh sehingga selesai solat Isyak untuk dimanfaatkan masyarakat setempat.

Menurut Imam Masjid India, **Ustaz Seyed Ibrahim AlBukhary**, seramai enam individu telah memeluk Islam di masjid ini sejak beliau menjadi imam pada 2021.

"Keindahan Islam itu dikongsi bersama pengunjung dalam dan luar negara yang hadir."

"Kami juga banyak menganjurkan banyak majlis ilmu dan untuk pengunjung luar yang datang, kami akan menerangkan tentang agama

Islam, cara solat serta menjawab pertanyaan mereka tentang Islam," kata Ustaz Seyed ketika ditemui Lensa *Wilayahku* di masjid berkenaan.

Masjid yang pada asalnya hanya dibina dengan papan dan kayu kini berdiri kukuh dengan struktur binaan batu serta granit.

Keunikannya adalah pada menara yang diinspirasi melalui seni bina budaya India.

Hiasan dalamnya ringkas namun tetap menawan hati yang melihat malah sangat menenangkan. Ruang solat lelaki di bawah dan wanita pula berada di ruang atas.

Bila sebut Masjid India, pasti mereka yang berada di Kuala Lumpur malah penduduk luar juga mengetahui lokasinya kerana ia terkenal sebagai syurga membeli-belah sejak dulu.

Masjid ini turut mengadakan jelajah setiap hari kecuali Khamis dan Sabtu, untuk orang awam dan pengunjung luar menyelami keindahan Islam serta melihat sendiri seni bina monumen warisan yang memaparkan budaya luar iaitu India. **WK**





MENARA Masjid India yang menggambarkan identiti India Muslim.



RISALAH masjid dalam bahasa Tamil.



IMAM Masjid India, Ustaz Seyed Ibrahim AlBukhary,



Sasar RM1 juta, Siti Nurhaliza bantu Palestin



DEEL ANJER

PENYANYI nombor satu negara, **Datuk Seri Siti Nurhaliza** memanjatkan rasa syukur apabila banyak pihak sudi menyumbang untuk Tabung Bantuan Khas Palestin melalui yayasan miliknya (Nurjiwa Foundation).

Menerusi perkongsian di *Instagram* (IG) baru-baru ini, Siti memaklumkan wakil pihak pengurus sekolah Afwa Al Afyiah yang berada di Gaza telah menyempakan sumbangan buat rakyat Palestin.

"Dr Mohamad bersama-sama petugas di Afwa Al Afyiah hari ini memberi bantuan kewangan iaitu setiap keluarga USD100 (bersamaan lebih kurang RM450) bagi penduduk Palestin yang dapat kami bantu.

"Pihak Nurjiwa Foundation terus menyumbang RM100,000 lagi untuk keperluan di sana," tulisnya.

Tambah Siti, menurut wakil yang berada di sana, apa yang termampu kini adalah memberikan bantuan kewangan terlebih dahulu untuk setiap keluarga

membeli makanan.

"Suasana di sana memang sukar apabila terlalu ramai beratur untuk membeli makanan namun itulah situasinya. Apa yang terbaik dan termampu adalah memberikan bantuan kewangan terlebih dahulu untuk mereka mendapatkan keperluan.

"*Alhamdulillah* pihak kami masih dapat menghubungi Dr Mohamad walaupun panggilan dan mesej tersekat-sekat kerana Internet tidak stabil di sana (sangat terhad, ada masa dapat dihubungi dan sebaliknya) tetapi Nurjiwa Foundation tidak mahu menunggu lama, kerana bantuan kita adalah harapan mereka dan bantuan anda adalah tanggungjawab kami untuk disampaikan kepada mereka.

"Kami akan terus berusaha menyalurkan sumbangan ini secara berterusan dari semasa ke semasa," ujar penyanyi lagu Cindai itu.

Siti yang meneruskan dana yang diusahakan sejak beberapa tahun lalu itu berkata, usahanya itu bukan mahu menunjuk-nunjuk namun berkongsi dana yang dapat dikumpul melalui yayasan yang diasaskannya bersama

suami, Datuk Seri Khalid Mohamad Jiwa.

"Doakan agar saudara kita, Dr Mohamad dapat terus menjadi penghubung kita dalam menyampaikan sumbangan dan Allah memelihara seluruh rakyat Palestin.

"Saya tidak ada niat lain, saya hanya hamba Allah yang ada tanggungjawab, saya bukan mahu menunjuk-nunjuk tetapi saya bahagia dapat berkongsi dengan anda yang telah bersama-sama Nurjiwa Foundation untuk membantu saudara kita di Palestin.

"Semampu apa pun kita, meski dengan doa, itulah kekuatan kita semua," katanya yang mensasarkan RM1 juta untuk membantu rakyat Palestin.

Setakat 18 Oktober, Nurjiwa Foundation telah menerima hampir RM500 ribu sumbangan daripada pelbagai pihak.

Untuk membuat sumbangan, boleh layari <https://kitafund.com/9909-tabung-bantuan-khas-palestin> dan klik butang 'Sumbang'.

Sumbangan untuk bantuan khas Palestin ini juga boleh disalurkan ke akaun Yayasan Nurjiwa: Maybank 514486106455. **WK**



SITI NURHALIZA

Saudara Islam kita sedang bertarung nyawa

WALAUPUN dikecam kerana didakwa menimbulkan kekeliruan kononnya menyokong Israel menerusi video yang dimuat naik dalam media sosial, **Baby Shima** tidak mudah melatah.

Bagi pelantun lagu Pura-Pura Bujang ini, niatnya ikhlas mahu mempertahankan saudara Islam di Palestin yang sedang dizalimi rejim zionis Israel.

"Kalau ada yang salah faham atau keliru, saya tak boleh buat apa-apa.

Rasanya video yang saya buat itu terang-terangan dan jelas saya mempertahankan rakyat Palestin.

"Tahap *intelligent* seseorang berbeza-beza begitu juga tahap pemahaman seseorang individu tidak sama. Apa yang saya kongsiikan memang dari POV (*point of view*) yang berbeza namun mesejnya tetap sama mengutuk tindakan rejim zionis Israel.

"Takkan la saya nak *please everybody* untuk semua yang saya *publish* dalam media sosial. Pandai-pandailah semak mesej itu dulu. Kalau perlu *google translate* la dahulu. Jangan main hentam saja," katanya.

Namun bagi Shima, walaupun disindir rakan artis dan dikecam netizen, tanggungjawabnya sebagai sesama Islam tetap akan dilaksanakan.

"Tak boleh membisu, saudara Islam kita sedang bertarung nyawa. Ini tanggungjawab kita untuk bersuara menentang kezaliman. Cara bersuara itu hak masing-masing dan ikut kemampuan sendiri.

"Macam saya, gunakan media sosial dan pengaruh yang ada untuk terus memperjuangkan nasib Palestin. Selain itu, saya turut membuat sumbangan wang. Semoga sedikit sebanyak boleh membantu mereka. Jom sama-sama bantu mereka ya!" tambah Shima lagi. **WK**



BABY SHIMA

Tunjukkan sokongan terhadap saudara Islam

PELAKON popular, **Nadhir Nasar**, 27, tidak takut disekat atau tidak menerima tawaran daripada mana-mana pihak berikutan kelantangannya berhubung isu Palestin.

Bagi Nadhir, selebriti mempunyai kelebihan tersendiri dalam menyuarakan isu Palestin.

"Kalau ada yang rasa takut disekat oleh mana-mana jenama, apa yang saya boleh katakan semua itu hanya sementara. Apa yang kita miliki ini sementara sahaja.

"Jadi perjuangan yang saya buat ini adalah untuk perjalanan sendiri lebih jauh lagi. Sampai bila mereka akan sekat kita? Saya ada platform dan pengaruh untuk capak

perkara yang benar. Tak perlu takut hilang punca rezeki," katanya.

Nadhir berkata demikian ketika majlis sidang media drama terbaharu lakonannya berjudul *My Famous Ex-Boyfriend* yang turut menampilkan Hael Husaini dan Qasrina Karim.

Jelas Nadhir, dia nekad dan mempunyai prinsip akan terus lantang bersuara dalam menentang kezaliman ke atas Palestin.

"Apa lagi yang boleh saya buat? Kalau nak pergi berperang, adakah iman saya sudah cukup kuat? Adakah saya boleh menyelamatkan mereka? Jadi ini sahaja cara saya untuk tunjukkan sokongan terhadap saudara Islam di sana yang ketika ini sedang menderita," ujarnya.

"Tak kisahlah seseorang selebriti untuk sokong bermusim. Buat baik sedikit pun sudah cukup daripada tidak melakukan apa-apa. Siapa yang tak buat apa-apa tindakan itu lebih teruk," tambahnya lagi. **WK**



NADHIR

Daiyan Trisha sumbang RM20 ribu

DALAM mempertahankan Palestin yang kini dizalimi tentera Israel, pelakon dan penyanyi **Daiyan Trisha** akui tidak gentar jika pendirian itu boleh menjejaskan hubungan kerja bersama jenama antarabangsa.

Bagi Daiyan, rezeki hanya datang daripada Allah bukannya manusia.

"Mungkin *posting* (di *Instagram*) ini akan memberi kesan terhadap hubungan kerja saya dengan jenama-jenama antarabangsa tetapi apabila tiba masanya untuk saya berdiri teguh atas prinsip saya, saya tidak boleh berdiam diri untuk masa yang lama.

"Rezeki ada di mana-mana, dan Allah telah memberi saya kejayaan dan kebahagiaan

yang tidak pernah saya bayangkan selama ini, *alhamdulillah*," katanya.

Pada perkongsian yang sama, Daiyan turut menegaskan dia tetap akan terus bersuara mengenai isu semasa itu demi membantu umat Islam di Gaza yang sedang bertarung nyawa.

"Dan oleh itu di saat-saat getir ini saya tak akan pernah boleh berdiam diri dan membelakangkan agama saya, kepercayaan saya dan paling utama, saudara-mara saya di Gaza yang sedang bertarung nyawa, dibunuh, diperlakukan dengan sangat kejam dan dirampas segala hak kemanusiaan mereka," ujarnya.

Dalam pada itu, penyanyi lagu *Langit* ini juga sudah menyalurkan sebanyak RM20,000 menerusi Persatuan Cinta GAZA Malaysia dan memohon seluruh rakyat Malaysia turut memberi bantuan. **WK**



DAIYAN TRISHA



PENGUNJUNG juga berpeluang bermandi-manda di air terjun.



Cabar adrenalin di laluan ekstrem dalam hutan, air terjun

Foto: SYUQREE DAIN
Video: HASIF HALIMI
HAZIRAH HALIM

MEMANDU kenderaan lasak pelbagai bentuk permukaan bumi (ATV) terutama di kawasan lasak seperti tanah tidak rata, berlumpur dan berlecek pastinya memberi cabaran ekstrem kepada sesiapa yang mencubanya.

Laluan berliku dengan pelbagai cabaran bentuk muka bumi yang lain tidak hanya menguji tahap keberanian serta ketahanan daya tubuh seseorang malah ia juga memberi kepuasan terutama kepada mereka yang menggemari aktiviti lasak seperti ini.

Baru-baru ini, wartawan *Wilayahku* bersama jurufoto dan juruvideo berpeluang merasai sendiri pemanduan ATV di dalam hutan dengan pelbagai cabaran adrenalin di ATV Adventure Park Kuala Lumpur.

Terletak di Kampung Kemensah, Ulu Kelang, Selangor, lokasi yang mula beroperasi sejak tahun 2005 ini menawarkan pakej-pakej istimewa yang pastinya mencabar dan ingin mengulangi aktiviti ini lagi.

Pengurusnya, **Mas Ridzwan Khan Mas Fadzillah Khan** berkata ATV Adventure Park Kuala Lumpur terbahagi kepada tiga pakej iaitu pakej B, pakej B+ dan pakej F dengan harga bermula RM110.

"Setiap pakej yang kami tawarkan mempunyai trek cabaran berbeza-beza misalnya pakej B adalah trek yang paling sesuai untuk mereka yang baru hendak mencuba memandu ATV kerana laluannya agak mencabar, naik dan turun bukit tetapi ia lebih singkat iaitu 1.2 kilometer (km) sahaja berbanding pakej lain.

"Bagi pakej B+ pula, ia lebih sesuai kepada mereka yang sudah biasa memandu ATV dan perjalanannya memakan masa hampir satu jam. Walau bagaimanapun, pengunjung tetap

berpeluang mengharungi cabaran di samping menikmati keindahan air terjun di laluan persinggahan atau rehat," katanya kepada *Wilayahku*.

Mas Ridzwan berkata ATV Adventure Park KL juga mempunyai trek paling mencabar yang memerlukan pengunjung menempuh laluan berbukit dan sempit iaitu di laluan pakej F.

"Pakej paling jauh dan mencabar adalah pakej F di mana kita akan bergerak menuju ke Lubuk Tedung, Kemensah. Perjalanan pergi dan balik boleh memakan masa selama enam hingga ke tujuh jam.

"Pengunjung akan melintasi empat sungai, banyak bukit dan treknya sangat ekstrem dan mencabar. Untuk pakej ini, kami tidak benarkan sama sekali *first timer* untuk terlibat dan kami sangat tekankan kepada mereka yang sudah mahir atau profesional sahaja," ujarnya pakej B dan B+ adalah pakej yang paling digemari ramai.

Di samping pengunjung merasai cabaran memandu ATV, Mas Ridzwan berkata kebiasaannya pengunjung yang melakukan aktiviti teruja untuk merasai keindahan hutan sambil menikmati pemandangan indah flora dan fauna.

"Salah satu tarikan lokasi ini adalah kerana hutannya selain laluan yang berbukit dan agak mencabar terutama ketika hujan. Pengunjung khususnya pelancong sangat suka dengan suasana seperti ini.

"Disebabkan suasana seperti ini juga, kami sentiasa mendapat kunjungan pengunjung dalam dan luar negara," ujarnya bersyukur para selebriti pihak media turut membantu promosi sehingga ia tular di media sosial.

Ditanya mengenai aspek keselamatan, Mas Ridzwan berkata keselamatan adalah keutamaan oleh pihaknya di mana pengunjung terlebih dahulu akan mendengar taklimat cara pengendalian ATV.

"Di sini keselamatan sangat terperinci. Taklimat itu merangkumi cara mengawal motor, cara mengawal minyak, brek dan lain-lain. Kami juga membenarkan mereka yang berumur 16 tahun ke atas sahaja untuk bermain.

"Selepas taklimat, mereka akan diberi peluang membawa motor ATV di trek latihan yang disediakan

sebanyak tiga kali atau lebih sehingga pengunjung selesa dan bersedia untuk memasuki hutan.

"Jangan bimbang, jika anda ikut setiap prosedur yang ditetapkan, ATV bukanlah sukan yang membahayakan. Bila kita kata jangan masuk lorong di mana-mana, tolong dengar dan ikut serta jangan terlalu konfiden," katanya

pengunjung akan diberikan topi keledar dan perlu mengisi borang sebelum memulakan pemanduan.

Untuk merasai sendiri pengalaman berharga ini, Mas Ridzwan turut mempelawa warga kota terutamanya memandu ATV di dalam hutan bandar dengan pelbagai laluan mencabar bermula harga serendah RM110. **WK**



KAWASAN berlumpur dan berlecek pastinya memberi cabaran ekstrem kepada pengunjung.



Info

Kampung Kemensah, 68000 Ampang Jaya, Selangor

Isnin hingga Ahad: 9 pagi hingga 6 petang
Jumaat: tutup pukul 11 pagi hingga 3 petang

019-244 8544 (Saiful)
013-277 9246 (Ewan)

www.atvadventurepark.com

@atvadventureparkkl



Satukan rakan ekosistem rangkaian pos selamat, boleh dipercayai

Dalam landskap dinamik perdagangan moden, penghantaran selamat dan boleh dipercayai telah menjadi sesuatu yang penting untuk menghantar barangan kepada pengguna berbanding sebelum ini.

Industri perkhidmatan pos mengambil peranan penting dalam membolehkan penghantaran rentas sempadan yang lancar, diatur oleh kakitangan berdedikasi dalam perkhidmatan pos dan rangkaianannya.

Selaras dengan tema Hari Pos Sedunia 2023, Together for Trust: Collaborating for a Safe and Connected Future, industri perkhidmatan pos menyediakan ruang selamat dan menghubungkan pelbagai bentuk produk serta perkhidmatannya.

Usaha ini tidak hanya terarah kepada operasi tetapi melangkaui peraturan perniagaan terutamanya, dengan pelbagai inovasi teknologi dan transformasi pendigitalan.

Kekukuhan permintaan semasa dan masa hadapan akan memacu industri yang dijangka berkembang serta menawarkan peluang pekerjaan kepada kira-kira lebih 160,000 rakyat Malaysia. Ia seiring dengan pertumbuhan dan sasaran kerajaan sebanyak 30 bungkusan per kapita menjelang 2025.

Pertumbuhan ini memperkukuhkan ekonomi negara dan juga menekankan potensi industri untuk memacu impak sosial

serta ekonomi yang ketara.

Industri perkhidmatan pos menyediakan cara boleh dipercayai dan berpatutan untuk menyampaikan barangan dan perkhidmatan yang penting untuk e-dagang dan perniagaan digital lain.

Percambahan e-dagang telah menyebabkan penurunan dalam jumlah mel tradisional tetapi pada masa sama, ia mewujudkan peluang baharu untuk industri.

Ini memanfaatkan rangkaian sedia ada untuk memberikan barangan dan perkhidmatan kepada pengguna di seluruh dunia menggunakan pelbagai kepakaran dalam logistik dan pengedaran, sambil membantu perniagaan berkembang maju serta lebih cekap.

Tren peralihan ke arah e-dagang sebagai kaedah asas membeli-belah telah menyaksikan jumlah bungkusan global dijangka mencecah 256 bilion bungkusan pada 2027.

Oleh itu, aspek keselamatan rangkaian penghantaran perlu diberi perhatian yang sama dengan peningkatan jumlah bungkusan dijangkakan.

Mel atau bungkusan dihantar melalui perkhidmatan pos untuk tujuan yang menyalahi undang-undang menjadi kebimbangan utama.

Untuk memerangi pengedaran barang haram dan dilarang, adalah penting untuk mewujudkan

kerjasama strategik dalam kalangan pihak berkuasa dan agensi penguatkuasaan.

Selain itu, kita juga tidak boleh menafikan bahawa penggunaan teknologi datang dengan risiko ancaman siber seperti pelanggaran data, serangan perisian hasad dan penipuan pancingan data.

Peningkatan keselamatan siber yang kukuh perlu disediakan memandangkan peningkatan kebergantungan kepada sistem digital, seperti transaksi dalam talian dan data peribadi pelanggan.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) akan terus menyelia pembangunan dan pertumbuhan ekosistem industri perkhidmatan pos serta menyokong hubungan perniagaan ke perniagaan.

Seperti yang diterajui MCMC, inisiatif Pelan Accelerator Kurier Negara (PAKEJ), mempunyai tonggak 4R - Kebolehpercayaan (kualiti perkhidmatan), Capaian (liputan lancar), Relevan (pertumbuhan industri) dan Kemampanan (mampan) yang berada di barisan hadapan transformasi ini.

Dengan pelaksanaan PAKEJ, Rangkaian PAKEJ, yang terdiri daripada rangkaian pencapaian terbaik, mampu memberi manfaat secara langsung kepada pengguna dan penyedia perkhidmatan melalui proses automatik.

Rangkaian PAKEJ disokong oleh

kohort dan rakan kongsi ekosistem, yang mengubah cara pengguna menghantar dan menerima bungkusan mereka memberikan penghantaran lebih selamat serta lancar kepada pengguna.

MCMC akan terus berpegang teguh pada komitmen untuk memimpin dengan dasar boleh dicontohi, protokol tadbir urus dan inisiatif yang boleh dipercayai.

Usaha kolektif ini secara strategik mendorong industri ke arah perjalanan yang berterusan dalam meningkatkan pengalaman pengguna, sambil memudahkan peralihan yang lancar ke landskap global saling berkaitan.

Untuk tujuan ini, MCMC bersedia untuk mengekalkan pengawasan kawal selian yang sewajarnya terhadap industri perkhidmatan pos.

Akhir sekali, kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada barisan hadapan dan rakan kongsi industri perkhidmatan pos kerana mereka terus memacu pertumbuhan ekonomi dan kecemerlangan dalam landskap perkhidmatan pos.



Bersama ke arah masa depan selamat, saling berhubung

Seiring dengan perkembangan pesat dan kemajuan teknologi pada masa ini, industri pos juga telah mengalami transformasi yang signifikan sebagai tanda beradaptasi dengan perubahan keperluan pelanggan. Industri ini terus menyesuaikan diri dengan landskap yang membangun untuk kekal relevan dalam era digital.

Hari Pos Sedunia 2023 disambut dengan tema "Together for Trust: Collaborating for a Safe and Connected Future". Sememangnya ini amat bertepatan dengan perjalanan negara ke arah pendigitalan dan kesalinghubungan.

Tema tersebut menekankan aspek kepentingan kerjasama, kepercayaan dan keselamatan dalam mewujudkan masa depan yang mampan serta mencapai kemajuan dalam industri.

Sebagai negara yang sedang berkembang maju, Malaysia menekankan peri pentingnya nilai-nilai ini bagi membuka jalan menuju dunia yang aman dan terhubung.

Maka itu, perkhidmatan pos sentiasa menjadi bahagian penting dalam kehidupan harian kerana dengan tersedianya perkhidmatan tersebut, kita boleh berhubung dengan keluarga, rakan dan komuniti di seluruh dunia. Perkara ini juga menepati prinsip asas perkhidmatan pos dan kurier, iaitu sentiasa berkhidmat untuk rakyat.

Tinjauan cabaran kurier oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) mendapati, hingga Ogos 2023, Pos Malaysia mendapat penilaian sebanyak 96 peratus bagi "prestasi penghantaran terjamin" berbanding dengan purata industri kurier sebanyak 78 peratus.

Berdasarkan laporan Indeks Bersepadu Pembangunan Pos (ZIPD) 2022 oleh Kesatuan Pos Sejagat (UPU), pada skala global, Pos Malaysia telah mencapai penarafan ketara tujuh (daripada 10) dari segi Tahap Pembangunan Pos. Pencapaian ini menunjukkan kualiti luar biasa perkhidmatan pos

domestik kita.

Dari semasa ke semasa, perkhidmatan pos melalui proses perkembangan termasuk memulakan "Air Mail" yang membenarkan penghantaran pos antarabangsa melalui udara bermula pada tahun 1986. Dua tahun kemudian, perkhidmatan ekspres serta kurier domestik diperkenalkan dan jenama terkenal Pos Laju dilahirkan. Pada awalnya, Pos Laju hanya melakukan penghantaran ke lima destinasi antarabangsa.

Kini, mereka boleh melaksanakan penghantaran ke lebih 11 juta alamat di Malaysia dan 200 destinasi di seluruh dunia.

Evolusi perkhidmatan pos Malaysia menjadi bukti pertumbuhan industri sentiasa berkembang untuk memenuhi permintaan pelanggannya yang sentiasa berubah.

Pada masa yang sama, mengikuti trend semasa serta masa depan yang menyokong pertumbuhan ekonomi digital, termasuk e-dagang, berada di

barisan hadapan.

Perkhidmatan pos Malaysia juga mengambil langkah lebih jauh untuk memperkenalkan perbandingan pos yang dilihat menjadi urusan penting dalam rangkaian perkhidmatan. Masyarakat di seluruh negara boleh menjalankan transaksi perbankan dengan selamat dan terjamin, tanpa mengira cabaran geografi.

Perbankan pos penting dalam landskap kewangan Malaysia kerana perkhidmatan tersebut menyediakan cara yang mudah untuk mengakses dan mengurus kewangan mereka.

Pesanan pos dan kiriman wang juga menjadi mudah dan selamat kerana pengguna boleh memindahkan wang dan membuat pembayaran dengan selamat dan boleh dipercayai.

Menangani isu kritikal seperti keselamatan dan keterhubungan menjadi usaha yang sangat penting apabila industri pos berkembang. Oleh sebab itu, peranan perkhidmatan pos adalah penting untuk komunikasi yang boleh

dipercayai dan selamat.

Kepercayaan dan kepercayaan global juga penting kerana negara berfungsi secara serasi dan dalam keadaan saling boleh kendali. Industri ini hanya boleh berkembang maju dan mencapai tahap baharu dengan mewujudkan kerjasama strategik ke arah matlamat yang sama.

Perkhidmatan pos di Malaysia kekal berdaya tahan dan bersedia bagi memenuhi permintaan negara.

Apabila semua urusan di dunia berlaku dalam bentuk digital, industri perkhidmatan pos perlu terus berinovasi dan menerima teknologi baharu untuk terus berkhidmat kepada rakyat.

Industri pos di Malaysia berada pada kedudukan amat baik untuk menghadapi cabaran masa hadapan dan memenuhi keperluan pelanggan dengan penuh dedikasi dan komitmen padu, sepertimana yang telah ditunjukkan sekian lama.

Selamat menyambut Hari Pos Sedunia 2023!

MEDIA WARGA KOTA

WILAYAHKU

DAPATKAN NASKHAH PERCUMA!

LOKASI EDARAN:

Akhbar mingguan WILAYAHKU juga boleh didapati di lokasi terpilih seperti di pejabat-pejabat kerajaan, masjid, surau, stesen minyak, restoran, premis perniagaan, stesen LRT/MRT serta banyak lagi lokasi tumpuan orang ramai.

wilayahku.com.my
f Wilayahku
@akhbarwilayahku
Wilayahku
WKTV

PENGIKLANAN AKHBAR

MUKA PENUH
26 cm X 32 cm
RM7,500

SEPARUH MUKA
26 cm X 16 cm
RM5,500

SUKU MUKA
13 cm X 16 cm
RM4,500

PANEL BAWAH
26 cm X 6 cm
RM4,500

PENGIKLANAN DIGITAL

BANNER ATAS RM3,000

BANNER TENGAH RM2,500

BANNER TEPI RM2,500

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

MEDIA WARGA KOTA

WILAYAHKU

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

03-8861 5260

Alamat:
YWP MEDIA SDN BHD (1304797-X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Harapan menanti MRT Putrajaya

SEJAK tujuh bulan lalu, pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya dihubungkan terus dengan ibu negara Kuala Lumpur melalui perkhidmatan Rapid Transit Massa atau *Mass Rapid Transit* (MRT) dengan operasi sepenuhnya laluan Kwasa Damansara—Putrajaya dan sebaliknya.

Ini susulan pengoperasian Fasa Kedua MRT tersebut pada 16 Mac 2023, dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perkhidmatan MRT ini merentas dari Kwasa Damansara sehingga ke Putrajaya Sentral dan sebaliknya, sepanjang 57.7 kilometer merentasi 36 stesen, termasuk sembilan stesen bawah tanah.

Sebelum itu Fasa Pertama mula beroperasi pada 16 Jun 2022, dirasmikan oleh mantan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. Laluan ini sepanjang 17.5 kilometer meliputi 12 buah stesen dari Kwasa Damansara hingga Kampung Batu dan sebaliknya.

Dengan kemudahan perkhidmatan ini, orang ramai yang hendak pergi ke Putrajaya dan sebaliknya mempunyai alternatif pengangkutan lain selain berkenderaan sendiri. Mereka tidak perlu berfikir mengenai kesesakan lalu lintas atau masalah parkir di Putrajaya.

Namun ketika ibu negara dan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan boleh diakses melalui MRT, yang menarik perhatian Adi ialah pembinaan rangkaian MRT di Putrajaya sendiri, yang telah dirancang sejak tahun 2004, masih terbengkalai hingga ini. Belum ada khabar berita mengenai status projek ini, sama ada bakal dihidupkan semula atau dimansuhkan terus.

Perkara ini juga menjadi tanda tanya di kalangan warga Putrajaya khususnya memandangkan asas kepada pembinaan telah dibina bertahun-tahun lalu tetapi ditinggal begitu sahaja. Sudah 19 tahun ia



WARGA kota lebih memilih perkhidmatan tren berbanding bas atau teksi kerana ia tidak terjejas dengan kesesakan lalu lintas.
- Gambar hiasan

terbengkalai.

Yang ada hanya struktur stesen monorel di Putrajaya Sentral. Juga jambatan gantung merentasi tasik dan terowong. Struktur konkrit ini sudah menjadi seperti tugu batu ditinggal sepi, malah hanya mencatitkan pemandangan serta keindahan Putrajaya.

Kenapa pembinaan MRT Putrajaya tidak direalisasikan sedangkan warga pusat pentadbiran Persekutuan itu begitu mengharapkan ia menjadi kenyataan? Ia mampu menjadi pengangkutan awam yang efektif untuk memberi khidmat kepada penduduk setempat dan masyarakat luar.

Dengan kehadirannya, penduduk, terutama kakitangan awam, tidak perlu lagi menggunakan kenderaan sendiri apabila pergi balik kerja dan tersangkut dalam kesesakan lalu lintas. Orang ramai yang datang ke Putrajaya dari Kuala Lumpur juga lebih mudah menyambung perjalanan ke mana-mana bahagian Putrajaya setelah sampai di Stesen Sentral.

Perlu diingat warga Putrajaya

kian bertambah, begitu juga dengan jumlah kenderaan. Bukan sahaja berlaku kesesakan kerana kenderaan tempatan, tetapi juga kenderaan bertali arus yang datang dari pelbagai tempat untuk berurusan dengan pejabat-pejabat kerajaan atau sekadar untuk melawat pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan itu.

Kerana itu pengangkutan awam seperti MRT mampu menjadi pilihan terbaik mengatasi masalah kesesakan lalu lintas. Contoh terbaik ialah di Kuala Lumpur yang mempunyai Sistem Aliran Transit Ringan (LRT), MRT dan monorel.

Warga kota lebih selesa menggunakan perkhidmatan tersebut, dengan meninggalkan kereta di rumah atau stesen tren, atau mengguna perkhidmatan bas perantara. Ramai lebih memilih perkhidmatan tren berbanding bas atau teksi kerana ia tidak terjejas dengan kesesakan lalu lintas. Ini kerana LRT, MRT dan monorel mempunyai laluan sendiri.

Dalam konteks inilah Adi melihat keperluan diadakan perkhidmatan MRT di Putrajaya sebagai persediaan menghadapi pertambahan penduduk dan kenderaan yang kini sebenarnya sudah makin bertambah. Sebelum situasi kesesakan bertambah serius, pembinaan projek MRT wajar diteruskan, apatah lagi struktur asas sudah ada.

Mungkinkah faktor jumlah penduduk menyebabkan MRT terbengkalai, mengambil kira pada 2004 itu jumlah penduduk masih rendah? Dengan itu dikhuatiri penduduk tidak dapat menyokong perkhidmatan MRT sepenuhnya, terutama di luar waktu puncak.

Andaian yang membangkit ialah hanya pada waktu puncak sahaja, dan pada hari bekerja, akan ramai penumpang. Pada waktu lain dibimbangi jumlah penumpang berkurangan yang boleh memberi

kesan tidak memberangsangkan kepada syarikat pengoperasi.

Namun itu kisah 19 tahun lalu. Dalam tempoh itu, penduduk Putrajaya makin bertambah. Adi difahamkan jumlahnya kini melebihi 100,000 orang. Menurut jangkakan Perbadanan Putrajaya (PPj) jumlah ini akan meningkat sehingga 350,000 dalam tempoh 25 tahun lagi.

Pada Adi usah tunggu sehingga Putrajaya sendat baharu hendak dituntaskan pembinaan MRT. Juga usah hanya ambil kira penduduk Putrajaya sahaja, tetapi juga masyarakat luar atau orang awam yang datang berurusan di pelbagai jabatan kerajaan. Juga jangan lupa pelancong yang singgah untuk menyaksikan sendiri cantik dan indahnya pusat pentadbiran negara.

Dengan senario ini dan dengan kedudukan sebagai pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan, memang amat perlu dan sesuai wujud perkhidmatan tren di Putrajaya sebagai pelengkap kepada sistem pengangkutan awam.

Adi rasa inilah waktu sesuai projek MRT Putrajaya diberi perhatian semula oleh kerajaan ke arah menghidupkannya kembali, menepati keperluan semasa. Adi percaya kerajaan di bawah pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim akan memberi perhatian serius mengenai perkara ini.

Selain memenuhi keperluan Putrajaya mempunyai laluan tren sendiri bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dan mengatasi kesesakan, MRT juga sebagai penyambung kepada perkhidmatan *Express Link* (ERL) dan MRT Putrajaya—Kwasa Damansara.

Keperluan ini dapat disaksikan ketika diadakan perayaan atau majlis tertentu di Putrajaya. Contoh terbaharu ialah ketika Sambutan Ulang Tahun Kemerdekaan ke-66 di Dataran Putrajaya 31 Ogos lalu.

Orang ramai yang berpusu-pusu datang menyaksikan perbarisan dengan menaiki MRT atau ERL, menghadapi masalah untuk ke dataran dari Putrajaya Sentral dan sebaliknya. Walaupun ada bas ulang-alik, ia tidak memenuhi keperluan sepenuhnya, tambahan tersangkut pula dalam kesesakan lalu lintas.

Kerana kepayahan ini, ada yang mengambil keputusan berjalan kaki sahaja dari atau ke Putrajaya Sentral. Jika ada perkhidmatan MRT, tentu masalah ini dapat diatasi atau dikurangkan.

Namun Adi sedar, sebarang usaha menghidupkan kembali projek MRT Putrajaya bakal melibatkan kos yang tinggi. Tentu kerajaan akan mengambil kira faktor kemampuan kewangan sebelum membuat keputusan muktamad.

Kerana itu Adi terfikir, alangkah baiknya jika projek yang sudah diasaskan pada 2004 itu dilaksanakan terus pada waktu itu sehingga siap sepenuhnya. Tentu kos pembinaan pada waktu itu lebih murah dibandingkan sekarang dan Putrajaya sudah sedia ada laluan MRT yang boleh dimanfaatkan oleh orang ramai.

Namun pada perkiraan Adi, apa juga sebab projek tersebut dihentikan dahulu, anggap ia perkara sudah berlalu dan tidak perlu dikenang atau diungkit. Yang penting ialah memandangkan ke hadapan untuk membolehkan projek disambung. Semoga MRT di Putrajaya akan segera menjadi realiti.

Adi—Memang suka naik tren

Adi Fah

Sajak

JEREBU

*Jerebu bertandang lagi
mengirim gerombolan penyakit
paru-paru disumbat debu
sejengkal jarak dilihat cuma.*

*Udara dipersalah
katanya, kualitasnya tidak sihat
ah, manusia memang benar selalu.*

*Saban tahun
dari masa ke masa
jerebu datang tak diundang
angkara siapa
tiada yang mengaku
tuding sana tuding sini
baling batu sembunyi tangan.*

*Manusia memang gagal belajar
saling mengulangi kesalahan lalu
tunggulah, suatu saat nanti
ketika alam melampias dendam
bumi menyampaikan beritanya.*

**MOHD SALLEH OSMAN
Putrajaya.**

RAGAM KOTA

F#minor


DULU-DULU... taukeh sampan

Sebuah sampan hilang 100 ringgit, dua buah sampan hanyut 200 ringgit, duit sewa sampan hilang 300 ringgit, beli ubat-ubat orang pengsan 50 ringgit 50 sen...

SEKARANG... taukeh restoran

Siakap 4 rasa RM259, sotong buncit baik RM499, udang galah celup budu RM399, kerapu masak skeper RM199.90...

Cukup! cukup!
Dah makan,
kena bayar laa...



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

Pengecualian cukai pendapatan kepada entiti Labuan disambut baik



KHAIRUL IDIN

CADANGAN pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya selama lima tahun kepada entiti Labuan yang menjalankan aktiviti perdagangan berkaitan kewangan Islam yang dibentangkan dalam Belanjawan 2024 dilihat mampu melonjakkan ekonomi pulau itu.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan (Perbandaran), Fadzilah Mahmud berkata pelaksanaan yang dibentangkan kerajaan disambut baik pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Kita berharap pengecualian cukai pendapatan selama lima tahun ini mampu menarik lebih banyak lagi pelabur luar untuk

melabur di Labuan, sekali gus menjadikannya sebagai hub kewangan Islam," katanya kepada pemberita baru-baru ini.

Sementara itu, Pengerusi Perbadanan Labuan, **Tan Sri Anifah Aman** turut menzahirkan penghargaan terhadap keprihatinan Kerajaan Perpaduan dalam usaha pembangunan Pusat Perniagaan Dan Kewangan Antarabangsa Labuan sebagai hub kewangan Islam yang patuh syariah sepenuhnya.

Beliau berkata dengan pengecualian cukai tersebut akan meningkatkan lagi potensi Labuan untuk menarik para pelabur dalam teknologi kewangan yang pakar dalam kewangan Islam.

"Ini seterusnya mengembangkan lagi ekonomi dan mencipta pekerjaan nilai tinggi serta meningkatkan taraf ekonomi penduduk," katanya.



ANIFAH

Terdahulu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada pembentangan Belanjawan 2024 lalu mengumumkan kerajaan bercadang untuk mengecualikan cukai pendapatan sepenuhnya selama lima tahun kepada entiti Labuan yang menjalankan aktiviti perdagangan berkaitan kewangan Islam seperti perbankan digital Islam, bursa digital Islam, syarikat berkaitan ummah dan pengeluar token digital Islam mulai tahun taksiran 2024. **WK**



KEPRIHATINAN Kerajaan Perpaduan terhadap Labuan disambut baik PL.

RM47.7 juta dana zakat berjaya diagihkan kepada asnaf di Labuan

MAJLIS Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah mengagihkan dana zakat sebanyak RM47.7 juta kepada golongan asnaf di Labuan sehingga September menerusi pelbagai program dan inisiatif bantuan tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), **Datuk Mohd Na'im Mokhtar** berkata peruntukan tersebut merupakan sebahagian daripada jumlah RM60.1 juta untuk agihan zakat serta pemerkasaan dan kesejahteraan asnaf bagi tahun 2023.

"Jumlah peruntukan yang cukup besar ini mencerminkan kesungguhan MAIWP di Labuan dalam membantu mereka yang kurang bernasib baik meneruskan kehidupan seharian.

"Ini dibuktikan sehingga bulan September 2023 MAIWP terus komited dan bersungguh-sungguh untuk turun padang menjejaki para asnaf.

"Ia adalah peluang terbaik untuk kita mendengar secara langsung masalah yang dihadapi oleh masyarakat setempat dan mencari penyelesaian yang terbaik," katanya kepada pemberita pada Program Kembara Kasih Asnaf 2023 di Dewan Homestay Kampung Sungai Labu baru-baru ini.

Mengulas lanjut beliau berkata beberapa kejayaan yang



MOHD NA'IM (empat dari kanan, belakang) bersama para penerima bantuan asnaf pada Program Kembara Kasih Asnaf 2023 di Dewan Homestay Kampung Sungai Labu baru-baru ini.

telah dicapai oleh MAIWP dalam memperkasakan kehidupan asnaf di Labuan adalah Program Perumahan Asnaf di Ganggarak Permai yang telah menelan belanja peruntukan sebanyak RM33.83 juta untuk 140 unit rumah asnaf.

"MAIWP telah merancang pelbagai aktiviti dan program dengan hasrat untuk membantu golongan asnaf membangunkan sosio ekonomi umat Islam melalui program keusahawanan penanaman cendawan.

"Selain itu, MAIWP sentiasa berjuang dalam memperbanyakkan usaha-usaha kebajikan sosio ekonomi melalui Pelan Strategik MAIWP 2021

hingga 2025.

"Ini terbukti dengan projek pembinaan Kompleks Sekolah Menengah Agama (SMA) MAIWP Labuan di Kampung Sungai Bedaun bernilai 53.8 juta dengan kapasiti 600 pelajar dan dijangka siap dalam tempoh tiga tahun," katanya lagi.

Terdahulu pada Program Kembara Kasih Asnaf, beliau berkesempatan menyampaikan beberapa bantuan khas kepada golongan asnaf.

Hadir sama Ahli Majlis MAIWP Datuk Anwari Suri; Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan MAIWP dan Pengurus MAIWP Labuan, Md Fadzli Md Saad. **WK**

Program Bicara @ Muzium fokus sejarah peradaban Labuan

PROGRAM Bicara @ Muzium Monumen Chimney sebagai Mercu Tanda Sejarah Labuan yang diadakan di Dewan Kuliah Pusat Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) mempromosikan sejarah dan peranan Muzium Chimney.

Pengarah Muzium Labuan, **Muhammad Azam Adnan** berkata ia merupakan tapak ikon kebangsaan perlombongan arang batu yang dikesan antara terawal pernah wujud di Malaysia dan yang kedua tertua di Asia Tenggara.

"Muzium Chimney turut disenaraikan sebagai salah satu tapak budaya dalam Geopark Kebangsaan Labuan yang diisytiharkan secara rasmi pada 16 Disember 2021.

"Menara Chimney yang berusia

lebih 100 tahun merupakan *main entrance* kepada geotapak-geotapak di kawasan Tanjung Kubong," kata beliau ketika berucap pada majlis yang dirasmikan oleh Pengarah UMSKAL, Profesor Madya Dr Mohamad Rizal Abdul Hamid.


Beliau berkata topik Monumen Chimney Sebagai Mercu Tanda Sejarah Labuan merupakan pendekatan signifikan yang dipilih memfokuskan tentang sejarah awal peradaban Labuan daripada perspektif penyelidikan monumen dan konservasi.

Terdahulu, seramai 200 orang peserta memabitkan pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Sekolah Menengah Kebangsaan menghadiri program *signature* Jabatan Muzium Malaysia. **WK**



AZAM (empat dari kiri, belakang baris kedua) bersama barisan penceramah dan para pelajar pada Program Bicara @ Muzium Monumen Chimney sebagai Mercu Tanda Sejarah Labuan di Dewan Kuliah Pusat UMSKAL baru-baru ini.

PERADUAN MEWARNA PM233



NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKID:

ALAMAT:

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM233".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah 28 OKTOBER 2023.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 235.

3 PENYERTAAN TERBAIK PADA SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN



TEKA SILANG KATA SK233

Arahan: Cari perkataan-perkataan yang tersembunyi seperti yang ditunjukkan di bawah pada kotak silang kata.

M	O	C	R	M	X	N	Z	F	M	B	M	X	B	M
G	E	F	I	Y	A	A	P	Q	A	Z	E	O	S	E
A	G	R	O	N	L	J	Y	S	L	X	L	G	R	N
B	J	R	D	C	A	I	U	W	A	T	A	O	Y	T
D	K	H	W	E	Q	B	X	Z	Y	E	Y	S	U	E
U	Y	Q	K	P	K	J	R	P	S	O	U	W	P	R
L	P	F	M	A	H	A	T	H	I	R	W	Z	Q	I
L	W	E	N	Z	Y	C	L	C	A	U	S	T	W	D
A	X	G	T	R	A	H	M	A	N	T	B	F	C	H
H	S	Z	S	Y	T	Q	V	E	S	M	E	S	H	U
J	A	L	U	R	G	E	M	I	L	A	N	G	J	S
K	Q	W	L	X	A	D	J	N	X	K	D	A	O	S
P	R	E	T	P	F	Z	L	N	E	G	E	R	I	I
W	U	G	A	S	N	J	A	K	P	O	R	X	R	E
D	Z	I	N	D	I	A	X	K	Y	H	A	F	T	N

1. Sultan
2. Jalur Gemilang
3. Merdeka
4. Ogos
5. Malaysia
6. Cina
7. Bendera
8. Rahman
9. Razak
10. Hussein
11. Mahathir
12. India
13. Abdullah
14. Najib
15. Menteri
16. Negeri
16. Maju
17. Melayu

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK233".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 28 OKTOBER 2023.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 235.

3 PENYERTAAN TEPAT & TERAWAL SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur 14 tahun ke bawah tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi WILAYAHKU TV.

Durasi video tidak lebih 3 minit.

E-melkan kepada: wilayahku2022@gmail.com
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.



KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 231

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM231:

DHIYA MEDINA BINTI KHAIRUL FATA
(9 tahun)
Setia Eco Glades, Cyberjaya

SHAASHININIDEVI A/P NAGARAJAN
(7 tahun)
Presint 9, Putrajaya

SITI KHADEEJAH THAHIRAH BINTI MOHD HANAFI
(10 tahun)
Presint 9, Putrajaya




Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK231:

KHAIRUZI BINTI ABDUL KARIM
(49 tahun)
Taman cengal Utama, Seremban

AHMAD ZAHDE BIN ABDUL SAMAD
(35 tahun)
Dato Senu, Kuala Lumpur

MOHD MAZMEE BIN WAHAB
(52 tahun)
Presint 17, Putrajaya



MAZMEE

ZAHDE



PESERTA daripada PBT Negeri Sembilan dan Terengganu sedang menjalani latihan dalam menggunakan sistem Pengurusan Permit Infrastruktur Komunikasi (CIPM) 2.0 di Putrajaya.

CIPM 2.0 permudah semakan permit, bantu PBT jana pendapatan

AZLAN ZAMBRY

USAHA Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dalam mengkoordinasi operasi dan permit menara telekomunikasi melalui kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) seluruh negara dengan sistem Pengurusan Permit Infrastruktur Komunikasi (CIPM) 2.0 akan lebih mudah dan berkesan selepas ia dinaik taraf dengan beberapa ciri penambahan.

Ketua Bahagian Geospatial & Pengurusan Data MCMC, **Ahmad Aswadi Yusof** berkata CIPM 2.0 adalah sistem yang telah dinaik taraf dan diperkemaskan untuk memudahkan pengguna. Ia merupakan kesinambungan CIPM 1.0 yang mula digunakan sejak tahun 2016.

"Kita menggunakan teknologi baharu yang lebih cepat dan pantas serta sistem susun aturnya telah dikemas kini bersama dengan ciri-ciri grafik yang lebih menarik."

"Selain itu kita turut menambah pilihan bahasa dan pemilihan ikon yang lebih menarik serta didatangkan dengan aplikasi

mudah alih menjadikan ia senang diakses di lapangan," katanya kepada *Wilayahku* semasa Bengkel CIPM 2.0 di Putrajaya baru-baru ini. Bengkel selama dua hari itu turut melibatkan PBT dari negeri Negeri Sembilan dan Terengganu.

Ahmad Aswadi berkata melalui ciri tambahan aplikasi mudah alih melalui telefon pintar, ia dapat membantu pengguna mendapatkan maklumat di hujung jari mengenai permit dan rekod sedia ada berkenaan pengurusan permit yang tertangguh, rekod pembayaran dan sebagainya.



ASWADI

Jelas beliau, sistem ini telah digunakan oleh 1,400 pengguna daripada 120 PBT seluruh negeri dan ia dapat membantu industri serta kerajaan sekali gus meningkatkan kecekapan pengurusan permit dalam industri ini.



ATIKAH

Menurut Ketua Jabatan Pejabat Pengurusan Projek Jaringan Nadi Teknologi Sdn Bhd, **Nur**

Atikah Mian, kelebihan paling besar untuk CIPM 2.0 adalah ia dilengkapi dengan platform mudah alih berbanding sistem CIPM 1.0, yang hanya tertera melalui laman sesawang dan portal sahaja serta hanya boleh diakses melalui

komputer di pejabat.

"Melalui sistem baharu di CIPM 2.0, kita adakan platform mudah alih yang mana akan membantu PBT untuk menjalankan aktiviti pemutihan dengan membawa peranti mudah alih ke tapak untuk membuat pemeriksaan dan siasatan khususnya di tapak-tapak yang belum diberikan kebenaran atau permit mendirikan menara komunikasi," katanya merangkap perunding CIPM 2.0 yang dilantik MCMC.

Menurut Atikah, perancangan masa hadapan pihaknya bersama MCMC adalah untuk mengembangkan manfaat menggunakan sistem CIPM 2.0 ini untuk PBT dan telco termasuk mewujudkan pasukan khas (*task force*) dalam menjalankan pemantauan menara komunikasi seluruh negara.

"Kalau ikutkan CIPM 2.0, kita hanya menguruskan pembaharuan permit, tetapi mereka minta adakan untuk *task force* yang turut melibatkan jabatan lain di PBT bagi tujuan kerjasama penguatkuasaan."

"Sekiranya mereka (*task force*) dapati ada menara komunikasi beroperasi secara haram, jadi



KHAIRUL



NORASIKIM

mereka akan ajukan kepada jabatan penguatkuasaan di PBT masing-masing untuk mengguna pakai CIPM," katanya.

Tambahnya, sebagai penyedia perkhidmatan serta berkongsi harapan dengan MCMC, beliau berharap sistem yang dibangunkan ini dapat membantu memudahkan lagi tugas pegawai yang bertanggungjawab kerana sebelum ini pemantauan dilaksanakan secara manual.

Sementara itu, Jurutera Kawalan Bangunan, Majlis Perbandaran Dungun (MPD), **Mohd Khairul Asyraf Kamarudin** berkata program ini merupakan pengenalan bagi sistem yang telah dinaik taraf daripada CIPM 1.0 sehingga CIPM 2.0 yang digunakan untuk menyelaraskan semua data-data menara komunikasi yang berada di seluruh negeri.

"Bengkel ini akan memberi lebih kefahaman, masing-masing pengguna PBT Terengganu akan lebih mahir menggunakan sistem itu sendiri supaya PBT dapat berkomunikasi dengan pihak telco dan juga MCMC bagi penyelarasan sistem pembaharuan permit di Terengganu."

"Bengkel ini turut memberi banyak kebaikan dalam operasi harian sistem telekomunikasi khususnya di Terengganu dan perlu diteruskan serta melibatkan lebih ramai pihak termasuk *One Stop Agency* (OSA) supaya setiap pihak berkepentingan dapat memahami dan berkongsi idea agar sistem telekomunikasi dapat lebih berkembang," katanya.

Penolong Pegawai Senibina Jabatan Kawalan Bangunan Majlis Bandaraya Seremban (MBS), **Wan Norasikim Wan Abu Bakar** berkata sistem ini telah mula digunakan pada tahun 2018 iaitu CIPM 1.0 dan sekarang ia telah dinaik taraf kepada CIPM 2.0.

"Sistem baharu ini dilihat dapat memudahkan kami untuk melaksanakan semakan dan tugas penguatkuasaan terhadap permit-permit menara komunikasi yang telah dikeluarkan oleh pihak jabatan sekali gus dapat memudahkan kami menjana pendapatan untuk MBS," katanya.

Tambah beliau, bengkel seperti ini patut diteruskan serta diperluaskan kepada mana-mana PBT yang belum menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan MCMC berkaitan bengkel ini kerana ia dapat membantu banyak perkara khususnya dalam tugas penguatkuasaan, kutipan cukai dan koordinasi dengan semua pihak yang berkaitan. **WK**



Pameran SMArt Botanic Edu-Care tonjol kreativiti pelajar kepada komuniti



SABRINA SABRE

Pihak Perbadanan Putrajaya (PPJ) dengan kerjasama Jabatan Senibina Landskap, Fakulti Reka bentuk, Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Pameran SMArt Botanic Edu-Care 'Plants and People Exhibition' bermula pada 1 hingga 31 Oktober ini bertempat di Bangunan Pusat Interpretif Pelawat (VIC), Taman Botani Putrajaya, Presint 1, Putrajaya.

Presiden PPJ, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud** berkata antara pengisian sepanjang pameran bertemakan 'Plants and People Exhibition' ini adalah hasil kerja pelajar mereka bentuk Laman Dapur (*Kitchen Garden*) serta berkaitan dengan seni bina landskap, aktiviti pemindahan ilmu seperti *workshop* dan beberapa aktiviti kreatif juga syarahan input dengan mensasarkan komuniti setempat, institusi kerajaan, sekolah dan orang awam.

"Pameran ini bermula daripada kerjasama untuk mengadakan satu pertandingan landskap di Taman Botani Putrajaya bersama Bahagian Botani, Jabatan Landskap dan Taman dengan melibatkan pelajar dari Jabatan Senibina Landskap,



ANTARA aktiviti yang dilakukan bersempena Pameran SMArt Botanic Edu-Care 'Plants and People Exhibition'.

Fakulti Reka bentuk, UPM. Kerjasama tersebut diperluaskan lagi dengan mengadakan satu pameran untuk mempamerkan hasil-hasil kerja studio pelajar tersebut.

"Pelaksanaan projek ini adalah bertujuan untuk mempromosikan Taman Botani Putrajaya dan juga mengetengahkan peranan seni bina landskap serta reka bentuk bersifat semula jadi kepada pelbagai lapisan

masyarakat.

"Sebanyak 44 Pelan Induk telah berjaya dihasilkan oleh pelajar melibatkan pelajar-pelajar tahun 2 dan akhirnya lapan konsep pelan reka bentuk Laman Dapur (*Kitchen Garden*) yang terbaik telah dikenal pasti," ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Menurut Fadlun, pemilihan pemenang adalah berpedoman kepada idea konsep dan

perseimbangan reka bentuk landskap yang menarik, menepati tema dan mempamerkan reka bentuk landskap yang terbaik serta berpotensi untuk diterapkan di tapak sebenar bertempat di Laman Dapur di Taman Botani Putrajaya, Presint 1, Putrajaya.

"Seramai lapan orang pelajar diumumkan sebagai pemenang iaitu Tan Jia Wei dengan konsep *Reminiscing Memories* (juara), Azlee Nadim dengan konsep Menelusuri Warisan Alam (naib juara) dan enam pemenang untuk kategori merit terdiri daripada Nurul Aiman Izaini (*Botany Living Treasure*), Ng Anqi (Serene), Nurfarisa Anis Ramle (Bedibles), Syasya Ahmad (*Dig into Nature*), Teoh Shuwey (*Tropic Taste*) dan Wong Jun Hao (*Feed*).

"Juara pertandingan akan menerima hadiah wang tunai bernilai RM400 manakala bagi naib juara pula adalah sebanyak RM200 dan hadiah merit masing-masing adalah sebanyak RM150. Masing-masing turut membawa pulang sijil penyertaan," tambah beliau.

Fadlun berkata pihak PPJ berhasrat untuk menjadikan golongan muda sebagai generasi yang menghargai alam sekitar dengan penerapan ilmu botani melalui pendedahan kepada asas penanaman koleksi Laman

Dapur dan reka bentuk landskap.

"Sekurang-kurangnya asas ilmu ini akan membantu dalam mengindahkan lagi persekitaran sekolah mahupun kediaman masing-masing khususnya di Putrajaya.

"Di samping itu, ia adalah bagi menggalakkan budaya hidup yang lebih sihat selain mencapai matlamat pembangunan mampan *Sustainable Development Goals* (SDGs) di Putrajaya iaitu SDGs 2: Sifar Kebuluran (*Zero Hunger*), SDGs 3: Kesihatan Yang Baik Dan Sejahtera (*Good Health An Well Being*), SDGs 11: Bandar Dan Komuniti Mampan (*Sustainable Cities And Communities*)," ujarnya pameran ini merupakan satu aktiviti komuniti di antara UPM dan Taman Botani Putrajaya.

Dalam masa sama, beliau berharap melalui pameran dan pertandingan seumpama ini dapat menggalakkan pelajar untuk lebih menghargai dan menjaga alam sekitar, membina generasi yang peka kepada persekitaran dengan menjadikan Laman Dapur (*Kitchen Garden*) sebagai salah satu aktiviti pendidikan berasaskan botani yang bermanfaat untuk kesejahteraan serta kelestarian Putrajaya sebagai Bandar Raya Taman dan Bandar Raya Bestari. **WK**

PFPP2023 tawar wang tunai sehingga RM23,000

SABAN tahun pihak Perbadanan Putrajaya (PPJ) menganjurkan Pertandingan Fotografi Pelancongan Putrajaya (PFPP) 2023 yang merupakan salah satu inisiatif dalam mempromosikan Putrajaya sebagai destinasi pelancongan yang patut diterokai melalui medium fotografi.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPJ), **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, PFPP2023 telah bermula pada 28 Ogos dan akan berakhir pada 31 Oktober 2023.

"Pertandingan pada kali ini mengetengahkan dua tema iaitu Indahnya Putrajaya dan *City With Soul*.

"Tema Indahnya Putrajaya digunakan bagi menggambarkan keindahan Putrajaya dari sudut lensa fotografi dan kreativiti jurugambar serta keindahan Bandar Dalam Taman ini yang mampu memukau dan menggamit kehadiran para pengunjung termasuk pelancongan dari dalam dan luar negara.

"Tema *City With Soul* pula adalah imej foto yang menunjukkan kehidupan insan, warga serta pengunjung Putrajaya dalam kehidupan harian sama ada di kawasan kediaman, kawasan komersial selain melibatkan pelbagai rutin kehidupan warga Putrajaya," katanya menerusi satu kenyataan media.

Selain itu, beliau berkata melalui PFPP2023, keindahan alam semula jadi, reka bentuk seni bina yang unik dan keistimewaan tempat-tempat menarik serta kawasan tarikan utama di Putrajaya secara tidak langsung dapat dirakamkan melalui hasil seni fotografi peserta yang bertanding.

"Juara pertandingan bagi setiap tema akan

membawa pulang wang tunai bernilai RM4,000 manakala bagi naib juara RM3,000, tempat ketiga RM2,000 dan lima pemenang sugu hati pula membawa pulang RM500 seorang. Jumlah hadiah keseluruhan adalah sebanyak RM23,000.

"Pihak PPJ berharap agar pertandingan ini akan mendapat sambutan yang lebih meriah dengan gambar yang bakal dipersembahkan dengan pelbagai keunikan serta kreatif daripada sudut pelancongan Putrajaya," tambah beliau.

Sebagai rekod, pada tahun lalu PPJ menerima sejumlah 1,118 penyertaan bagi PFPP2022. **WK**



HRP2023 berjaya cipta rekod MBOR

HARI Rekreasi Putrajaya (HRP) 2023 berjaya mendapat pengiktirafan bagi rekod *The Longest Picnic Line* (Barisan Perkelahan Terpanjang di Malaysia) dengan jumlah jarak sejauh 709.5 meter oleh *The Malaysia Book of Records* (MBOR) termasuk penyertaan acara perkelahan seramai 1,084 orang bersamaan 271 lot perkelahan dengan ukuran sepanjang 500 meter.

Selain menjadi sebahagian daripada rekod pengiktirafan MBOR, peserta perkelahan turut diadili bagi pertandingan lot piknik tercantik yang dipertandingkan dalam enam kategori iaitu terbuka, komuniti Putrajaya, pelajar sekolah rendah dan menengah, pelajar universiti serta pengatur acara (*event planner*).

Pihak Perbadanan Putrajaya (PPJ)

selaku penganjur program berharap secara tidak langsung HRP2023 dapat memperkenalkan Putrajaya sebagai bandar mesra rekreasi yang dilengkapi infrastruktur sukan dan rekreasi bertaraf antarabangsa.

Di samping itu, diharapkan agar Sambutan HRP2023 dapat menjadi acara tahunan yang akan disambut di peringkat kebangsaan selain menjadikan Putrajaya sebagai penanda aras terutamanya terhadap penekanan kepada keindahan landskap bandar, pelbagai aktiviti rekreasi yang ditawarkan dan sokongan kepada gaya hidup sihat serta aktif.

Terdahulu, HRP2023 berjaya mencatatkan jumlah keseluruhan pengunjung seramai 30,000 orang. **WK**



WAKIL MBOR menyerahkan sijil pengiktirafan kepada Fadlun (tengah).

Ingin julang nama Malaysia di peringkat antarabangsa

Iffah sasar emas Kejohanan Asia Canoe Polo

SABRINA SABRE

ATLET kanu Wilayah Persekutuan, Nurul Iffah Ilyana Zulkifli, 20, giat mempersiapkan diri sebelum menghadapi Kejohanan Asia Canoe Polo yang bakal berlangsung di Singapura pada November ini.

“Saya akan lakukan sehabis baik untuk meraih pingat emas di samping menjalani latihan seperti biasa untuk memperbaiki diri sedikit demi sedikit supaya menjadi lebih hebat dan padu.

“Sukan kanu ini memerlukan latihan yang konsisten bukan sahaja untuk mengekalkan stamina tetapi juga prestasi saya di dalam air,” ujarnya kepada *Wilayahku*.

Ingin menjulang nama Malaysia di peringkat antarabangsa, Iffah Ilyana berhasrat untuk terus membawa sukan kanu kekal unggul di mata dunia.

“Di Malaysia, sukan ini masih asing tetapi di luar negara, kanu adalah antara sukan popular yang mana prestasi atlet mereka cukup hebat. Semoga atlet kita akan sampai ke tahap seperti itu juga.

“Saya berharap akan diberi



IFFAH ILYANA (tiga kiri) bersama rakan sepasukannya ketika Kejohanan Kanu Polo Kulai 2023.

peluang untuk menyertai kejohanan di luar negara pada tahun hadapan dan tahun-tahun akan datang jika keadaan mengizinkan,” ujar pelajar jurusan Diploma Sains Komputer di

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) ini.

Bercerita lanjut tentang sukan yang diminatinya, anak kedua daripada empat orang adik-beradik

ini berkata minat tersebut hadir apabila dirinya sering didedahkan dengan sukan tersebut oleh ibunya, Norrasidah Nordin sejak kecil lagi.

“Ibu saya merupakan atlet kanu

Pencapaian Iffah Ilyana

2022 – Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN – Tempat kedua

2022 – Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) – Tempat ketiga

dan sering mengikuti pelbagai kejohanan. Dia jugalah yang membawa saya berkecimpung dalam sukan ini. Dari situlah minat saya mula bercambah sehingga ke hari ini.

“Sudah hampir tujuh tahun saya dalam sukan ini, setiap kali berkanu pasti saya rasakan satu ketenangan dan ia merupakan antara cara untuk menenteramkan jiwa daripada stres.

“Sukan kanu buat saya berasa lebih dekat dengan alam semula jadi kerana boleh menikmati pemandangan yang indah. Disebabkan itu saya sayang untuk meninggalkan dunia kanu ini,” katanya lagi. **WK**

HSN 2023 peringkat PKB disambut meriah

SUKAN bukan sekadar pentas kompetitif untuk beradu kehebatan, malah sebagai perantara untuk menghubungkan dan mengeratkan hubungan sesama manusia.

Baru-baru ini, Sambutan Hari Sukan Negara (HSN) 2023 di seluruh negara disambut meriah tidak ketinggalan juga di Peringkat Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) yang berlangsung di Plaza Kampong Bharu.

Mengulas tentang sambutan tersebut, PKB dalam satu kenyataan berkata pelaksanaan HSN di peringkat PKB ini dijadikan sebagai asas membudayakan sukan sebagai gaya hidup demi kesejahteraan dan kesepaduan penduduk Kampung Baru serta menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara sukan (*sporting nation*).

“Bagi acara senamrobik, ia telah diselenggarakan dengan kerjasama jurulatih daripada Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP).

“Untuk Program *Fun Walk*, kita telah melibatkan laluan sepanjang satu kilometer melalui Jalan Sungai Baru, Jalan Raja Muda Musa 3, Jalan Raja Muda Musa dan Jalan Hassan Salleh, Kampung Baru, Kuala Lumpur,” ujarnya.

Sementara itu, Pintas Saloma diwarnai dengan pelbagai program dan acara antaranya senamrobik, *fun walk*, pertandingan mewarna, sukan rakyat, cabutan bertuah, *food truck* serta pelbagai kios jualan turut disediakan oleh pihak penganjur.

Program tersebut melibatkan kerjasama pelbagai pihak antaranya



ANTARA peserta yang menyertai acara senamrobik sempena Sambutan HSN 2023 Peringkat PKB di Plaza Kampong Baru, Pintas Saloma pada 14 Oktober lalu.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), MSWP, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi, Anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM), Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Sub Zon 3 Kampong Bharu Zon Titiwangsa, Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan sekolah di Kampung Baru.

Terdahulu, Majlis Perasmian HSN Peringkat Kebangsaan 2023 disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Putrajaya dan disertai lebih 30,000 peserta.

Sebagai rekod, HSN adalah agenda nasional yang disambut secara tahunan pada setiap Sabtu minggu kedua Oktober dalam usaha

membudayakan serta merakyatkan sukan dalam kalangan masyarakat menerusi amalan gaya hidup cergas dan aktif selaras dengan kerangka Malaysia Madani dan Visi Sukan Negara 2023.

Tidak ketinggalan juga turut dianjurkan program dan aktiviti mesra Orang Kurang Upaya (OKU), kanak-kanak dan warga emas seperti Karnival Inspire OKU Aktif, Active Ageing, sukaneka dan banyak lagi.

Di Putrajaya, HSN 2023 berlangsung penuh meriah dengan 66 acara dan aktiviti sukan dan rekreasi seperti Jelajah Fit Malaysia Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 (larian, berbasikal dan jalan kaki), senamrobik, bola keranjang 3X3, kabbadi, sukan elektronik dan banyak lagi. **WK**

Peningkatan ketara Harimau Malaya ‘menakutkan’ - Pan Gon

PENGENDALI Harimau Malaya Kim Pan Gon mengakui peningkatan ketara ranking skuad bimbingannya dalam tempoh singkat, adalah satu yang ‘mengejutkan’ sehingga beliau tidak tidur lena.

Berdasarkan ranking Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA), Malaysia mendaki 20 anak tangga daripada kedudukan ke-154 meningkat kepada ke-134, kurang dua tahun selepas Pan Gon dilantik ketua jurulatih skuad kebangsaan pada Januari tahun lepas.

“Pasukan menunjukkan peningkatan yang hebat dan kita capai ranking ke-134 sangat cepat. Sudah tentu, harapan sangat tinggi dan saya akui agak takut sehingga tidak dapat tidur.

“Saya malah tidak dapat tidur sebelum aksi final (berdepan Tajikistan) kerana semua fikir kita akan menang (Pestabola Merdeka 2023),” katanya pada sidang media pascaperlawanan akhir Pestabola Merdeka 2023 menyaksikan Malaysia tewas 0-2 kepada Tajikistan pada Selasa.

Jurulatih dari Korea Selatan itu berkata kekalahan perit kepada skuad bimbingan Petar Segrt itu juga menjadi ‘ujian kesetiaan’ penyokong setia bola sepak tanah air terhadap

pasukan kebangsaan.

Justeru, Pan Gon meminta agar rakyat Malaysia termasuk media tempatan untuk terus memberikan sokongan kepada pasukan kebangsaan walau dalam apa jua keadaan dan keputusan diperoleh.

“Inilah masanya kita menunjukkan sokongan kepada para pemain dan diharapkan, media dan peminat boleh lakukan perkara sama. Jika mahu mengkritik, kritikhlah saya (bukan pemain),” kata Pan Gon yang kecewa tidak dapat menebus kekalahan skuad negara kepada Tajikistan, tahun lepas.

Dalam aksi Piala Raja Thailand tahun lepas, skuad Harimau Malaya tewas 0-3 kepada Tajikistan menerusi sepakan penalti selepas terikat 0-0 sehingga tamat masa rasmi perlawanan.

Sementara itu, Pan Gon berharap skuad Harimau Malaya segera bangkit lebih kuat pada pusingan kedua Kelayakan Piala Asia/Piala Dunia 2026 bulan depan.

Malaysia akan memulakan kempen Kumpulan D apabila melayan kunjungan Kyrgyzstan pada 16 November sebelum berlepas ke Taiwan berdepan tuan rumah pada 21 November. - BERNAMA



Iffah sasar emas dalam Kejujangan Asia Kanu Polo



Bengkel Cemerlang SPM 2023 beri peluang pelajar kuasai subjek teras

HAZIRAH HALIM

BENGGKEL Cemerlang SPM 2023 yang melibatkan 300 pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari sembilan buah sekolah menengah di sekitar kawasan Parlimen Bandar Tun Razak dilihat memberi manfaat kepada pelajar.

Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail ketika ditemui *Wilayahku* berkata, bengkel

tersebut memberi peluang kepada pelajar mendapatkan ilmu tambahan dan menguasai empat subjek teras.

“Program ini juga mampu melahirkan murid yang mempunyai keyakinan diri dan bersedia dalam menghadapi peperiksaan SPM sekali gus boleh melahirkan lebih ramai pelajar cemerlang.

“Di peringkat Bandar Tun Razak, banyak sekolah yang mengalami kepadatan pelajar, jadi saya harap program ini sedikit sebanyak memberi galakan dan peluang kepada pelajar untuk lebih memahami, mempelajari dan berkongsi pandangan bersama



ROHAZLINA



AZIZAH (tujuh dari kiri) bersama pelajar dan guru pada Bengkel Cemerlang SPM 2023 di Taylor's University baru-baru ini. Hadir sama Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Azman Abidin (empat dari kanan).

rakan-rakan dan guru yang ada,” ujar beliau berharap ia akan diperluaskan pada masa hadapan.

Sementara itu, salah seorang guru, **Rohazlina Othman** berkata bengkel yang diadakan selama dua hari pada 14 dan 15 Oktober lalu memfokuskan kepada empat subjek teras iaitu Bahasa Melayu Kertas 1

dan 2 Bahasa Inggeris Kertas 1 dan 2, Matematik dan Sejarah.

“Tujuannya untuk mengecilkan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) bagi empat subjek teras tersebut yang merupakan mata pelajaran sasaran bagi SPM di samping mahu mendedahkan kaedah dan teknik menjawab

soalan dengan betul serta menepati format peperiksaan yang sebenar.

“Perkongsian pada bengkel ini lebih kepada teknik-teknik menjawab kertas peperiksaan yang betul di mana ia tiada dalam buku. Rata-rata pelajar dilihat mempunyai idea dan jawapan tetapi teknik yang mereka gunakan

itu tidak tepat.

“Justeru itu, pada bengkel ini, kita kongsi *target* yang dijangka akan keluar pada peperiksaan SPM tahun ini dan teknik menjawab peperiksaan yang betul menggunakan jawapan dan cara yang tepat daripada guru-guru berpengalaman serta terlibat secara langsung dalam peperiksaan dan tanda kertas SPM,” katanya.

Tambahnya, respons yang diterima daripada pelajar amat memberangsangkan di mana pelajar dilihat mudah memahami kaedah yang diberikan selain mempunyai ruang untuk bertanyakan soalan jika maklumat tersebut kurang jelas.

“Alhamdulillah, terima kasih kepada Yayasan Bank Rakyat, Taylor's University serta Parlimen Bandar Tun Razak di atas kerjasama yang diberikan dalam mewujudkan program seperti ini khusus kepada pelajar-pelajar SPM di sekitar kawasan berkenaan,” ujarnya.

Terdahulu, Bengkel Cemerlang SPM disertai 40 orang guru ini merupakan anjuran Yayasan Bank Rakyat dengan kerjasama Parlimen Bandar Tun Razak dan Taylor's University.

Antara sekolah yang terlibat adalah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Cheras, SMK Bandar Tun Razak, SMK Orchid Desa dan SMK Sri Permaisuri. **WK**

Gadai nyawa dalam kejadian banjir kilat, Lans Koperal Afizul terima penghargaan

TINDAKAN pantas seorang anggota polis trafik menyelamatkan pemandu kenderaan pelbagai guna (MPV) yang hampir lemas dalam kejadian banjir kilat berhampiran Jalan Chan Sow Lin pada 6 Oktober lalu mendapat penghargaan Ahli Parlimen Cheras, Tan Kok Wai.

Anggota tersebut, **Lans Koperal Muhammad Afizul Ismail** yang bertugas di Unit Cawangan Lalu Lintas, Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik, Balai Polis Trafik Kuala Lumpur berkata dia berterima kasih dan bersyukur dengan penghargaan yang diberi serta beriltizam akan terus membantu masyarakat tidak kira apa jua bentuk bantuan yang diperlukan.

Berkongsi tentang kejadian, dia dihubungi oleh pusat kawalan lalu lintas sekitar pukul 5.30 petang dan dimaklumkan terdapat sebuah kereta tersangkut di lokasi



AFIZUL (dua dari kiri) menerima sijil penghargaan dan telefon bimbit daripada Kok Wai (dua dari kanan) di Balai Polis Trafik Kuala Lumpur pada Isnin.

berkenaan manakala pemandunya terperangkap di dalam kenderaan.

“Apabila sampai di lokasi kejadian, saya tidak fikir panjang, dengan

helmet dan baju hujan yang masih belum dibuka, saya terus tutup jalan tersebut dan cuba mengeluarkan mangsa yang sudah panik dalam

kenderaan berkenaan.

“Setelah pintu dapat dibuka, saya terus membawanya ke tempat selamat dan cuba menenangkannya dan menghubungi waris terdekat untuk memaklumkan keadaan mangsa.

“Ketika kejadian, hujan masih lebat dan paras air ketika itu kira-kira 1.5 meter (paras hidung), saya memang tidak fikir apa, yang penting mangsa dapat diselamatkan dan *alhamdulillah* saya tidak mengalami sebarang kesukaran,” katanya ketika ditemui di Balai Polis Trafik Kuala Lumpur pada Isnin.

Terdahulu, Muhammad Afizul menerima sijil penghargaan dan sebuah telefon bimbit untuk menggantikan telefonnya yang telah rosak akibat dimasuki air ketika kejadian.

Turut hadir, Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik

(JSPT) Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Sarifudin Mohd Salleh.

Sementara itu, Ahli Parlimen Cheras, Tan Kok Wai berkata tindakan berani tersebut wajar diuji dan diberi penghargaan kerana tindakan pantas dalam suasana kritikal berjaya menyelamatkan nyawa individu berkenaan.

“Kejadian ini adalah satu contoh yang wajar diberi penghargaan dan teladan yang patut dicontohi oleh semua penjawat awam atau orang ramai,” katanya.

Sebelum ini, tular di media sosial tiga anggota polis bergadai nyawa berjaya menyelamatkan seorang pemandu yang hampir tenggelam susulan banjir kilat di terowong Jalan Chan Sow Lin.

Selain Muhammad Afizul, dua lagi anggota terlibat adalah Koperal Syed Syafiq Syed Halim dan Lans Koperal Shahrir Kamaruzaman. **WK**